

HARI ISNIN
22 Ogos 1994
14 Rabiulawal 1415

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KELAPAN
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT

Persidangan Kali Yang Ketiga
22 Ogos 1994
14 Rabiulawal 1415

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Terengganu.**

Hari Isnin
22 Ogos 1994
14 Rabiul Awal 1415

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa [Muka 5]
3. Ucapan YBM Dato' Yang
di-Pertua [Muka 5]
4. Kertas-kertas Kerja
dan Laporan-laporan. [Muka 6]
5. Soalan-soalan yang telah
diberi notis -
 - (1) Soalan-soalan dan
jawapan-jawapan
bertulis. [Muka 8]
 - (2) Soalan-soalan dan
jawapan-jawapan
lisan. [Muka 9]
6. Cadangan Menurut Seksyen 30
Peraturan-Peraturan Dan
Perintah-Perintah Tetap
Dewan. [Muka 33]

7. Usul-Usul Yang Telah diberi
Notis.

(1) Tambahan Peruntukan
Yang Pertama Daripada
Kumpulanwang Pembangunan
Untuk Perbelanjaan Ran-
cangan Kemajuan Negeri
Bagi Tahun 1994. [Muka 35]

(2) Melantik YB Dato' Haji
Abdul Rashid bin Ngah,
DSMT.,DPMT., JSM., PJK.,
Menjadi Ahli Jumaah
Universiti Malaya. [Muka 36]

8. Rang Undang-Undang -

(1) Enakmen Perbekalan
Tambahan (1994) (No.1)
1994 [Muka 37]
(Rundingan dalam semua peringkat)

(2) Enakmen Lalulintas
Sungai (Pindaan) 1994 [Muka 57]
(Rundingan dalam semua peringkat)

(3) Enakmen Tanah Simpan Bagi
Orang-Orang Melayu (Pindaan)
1994 [Muka 60]
(Rundingan dalam semua peringkat)

9. T A N G G U H A N. [Muka 66]

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,
DSMT., DPMT., SMT., AMN., PJC., PJK., BLB.
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)

WAKIL PAKA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR

Dato' Seri Amar Di Raja,
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.
(Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)

WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,

DSMT., DSAP., DPMT., JMN., PJC., PJK.

WAKIL LADANG

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail
DSMT., DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.

WAKIL TELEMONG

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,
DSMT., DPMT., JSM., PJC., PJK.

WAKIL SEBERANG TAKIR

" " Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., PJC., PJK., PPN.

WAKIL KUALA BESUT

" " Dato' Haji Muda bin Mamat, DPMT., PJK., PPN.

WAKIL BINJAI

" " Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., SMT., PJK.

WAKIL LANGKAP

" " Encik Aziz @ Ibrahim bin Awang, SMT., PJK.

WAKIL SURA

" " Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.

WAKIL BATU RAKIT

22 Ogos 1994

- Yang Berhormat Haji Muda bin Abdullah,
SMT.,AMN.,JP.,PJK.
WAKIL JERANGAU
- " " Haji Harun bin Ali, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL MERCANG
- " " Haji Wan Muda bin Mohd., AMT.,AMN.,PJK.,PPN.
WAKIL KUALA BERANG
- " " Haji Harun bin Hassan, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL BUKIT BANDI
- " " Haji Yusof @ Jusoh bin Musa, AMN.,PJK.
WAKIL SERADA
- " " Haji Abu Bakar bin Ali, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASEK
- " " Haji Daud bin Abu Bakar, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT
- " " Encik Ahmad bin Said, PJK.
WAKIL KIJAL
- " " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,
DPMT.,ASM.,PJK.,BLB.
WAKIL TELUK PASU
- " " Haji Shafi'i bin Omar, PJK.
WAKIL PERMAISURI
- " " Haji Abdullah @ Wahab bin Saaid, AMN.,PJK.
WAKIL TEPOH
- " " Haji Mazlan bin Awang, PJK.
WAKIL BUKIT PAYONG
- " " Haji Mohd.Noor bin Hussin
WAKIL KAMPONG RAJA
- " " Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR.
- " " Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

22 Ogos 1994

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang

WAKIL RHU RENDANG

" " Haji Harun bin Jusoh, JP.,PJK.

WAKIL BANDAR

" " Haji Abdul Latif bin Mohamad

WAKIL JERTEH

" " Haji Mohd.Abdul Wahid bin Haji Endut

WAKIL WAKAF MEMPELAM

" " Haji Zahari bin Mohamad

WAKIL JABI

" " Haji Mansor bin Sulong @ Ali, PJK.

WAKIL BUKIT TUNGGAL

KAWASAN TANGGUL - (kosong mulai 4 Mac 1994)

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERTIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Seri Dato' Lela Perkasa

(Dato' Seri Mohd.Azahar bin Othman)

SSMT.,SPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTIAUSAHA PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Idrus bin Harun.

YANG BERTIAUSAHA PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda

(Dato' Haji Mazlan bin Hashim)

DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu).

22 Ogos 1994

Dear Sir,
I am pleased to inform you that your application for the position of [Job Title] has been received and is currently under consideration. We will contact you again once a decision has been reached.
Thank you for your interest in [Company Name].
Yours faithfully,
[Name]
[Title]

Dear Sir,
I am pleased to inform you that your application for the position of [Job Title] has been received and is currently under consideration. We will contact you again once a decision has been reached.
Thank you for your interest in [Company Name].
Yours faithfully,
[Name]
[Title]

Dear Sir,
I am pleased to inform you that your application for the position of [Job Title] has been received and is currently under consideration. We will contact you again once a decision has been reached.
Thank you for your interest in [Company Name].
Yours faithfully,
[Name]
[Title]

22 Ogos 1994

PUKUL 9.30 PAGI

DOA - Oleh Yang Berhormat Mulia
Dato' Yang di-Pertua Dewan.

UCAPAN YBM DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
وَبِهِ نَسْتَعِیْنُ
الصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلٰی اَشْرَفِ الْمُرْسَلِیْنَ
وَعَلٰی اٰلِهِ وَصْبِهِ اَجْمَعِیْنَ
السَّلَامَ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةَ اللّٰهِ وَبَرَكَاتِهِ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar di-Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, Menteri Besar Terengganu serta ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian.

Saya mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana kita dapat sekali lagi berada dalam Dewan Yang Mulia ini untuk menjalankan amanahnya sebagai ahli Dewan. Saya memohon Allah memberkati kita semua dan memelihara kita supaya kita tidak lalai mengingatinya dalam menyatakan sesuatu sesama kita berada di dalam Dewan ini dan dengannya terpeliharalah nama baik Dewan sepanjang zaman.

Saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama kepada saya menjalankan tugas saya ini dan saya berharap kerjasama itu sentiasa berada di samping saya untuk menjadikan Dewan ini sempurna dan bahagia.

SELAMAT BERSIDANG.

22 Ogos 1994

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Bert hormat sekalian, Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:-

1. Peruntukan Tambahan Pertama Anggaran Bekalan 1994.
(DUN.Bil: 5/1994)
2. Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.1) 1994
Perbelanjaan 1994.
(DUN.Bil: 6/1994)
3. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Besut Bagi
Tahun 1987.
(DUN.Bil: 7/1994)
4. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Besut Bagi
Tahun 1988.
(DUN.Bil: 8/1994)
5. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Dungun
Bagi Tahun 1989.
(DUN.Bil: 9/1994)
6. Penyata Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
Terengganu Bagi Tahun 1993.
(DUN.Bil: 10/1994)
7. Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Terengganu
Tahun 1992.
(DUN.Bil: 11/1994)
8. Penyata Kewangan Negeri Terengganu Bagi Tahun
1992.
(DUN.Bil: 12/1994)

22 Ogos 1994

9. Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Terengganu Berkenaan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman Bagi Tahun-tahun Berakhir 31 Disember, 1990 dan 1991.

(DUN.Bil: 13/1994)

10. Laporan Tahunan Lembaga Muzium Negeri Terengganu 1991.

(Pembentangan semula bagi mengganti Laporan Tahunan Lembaga Muzium Negeri Terengganu 1991 yang telah dibentangkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 11 Disember 1993 (DUN. Bil: 28/1993)).

11. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu Bagi Tahun 1985.

(DUN.Bil: 15/1994)

12. Pembetulan Atas Penyata Kira-Kira Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1991.

(DUN.Bil: 16/1994)

13. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Kemaman Bagi Tahun 1991.

(DUN.Bil:17/1994).

22 Ogos 1994

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS.

(1) SOALAN-SOALAN BERTULIS.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:-

- (a) YB Haji Mansor bin Sulong @ Ali
(Wakil Bukit Tunggal)
- (b) YB Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
(Wakil Batu Burok)
- (c) YB Haji Harun bin Jusoh
(Wakil Bandar)
- (d) YB Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)
- (e) YB Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Wakil Rhu Rendang)
- (f) YB Haji Mohd. Abdul Wahid bin Haji Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
- (g) YB Haji Abdul Latif bin Muhammad
(Wakil Jerteh)
- (h) YB Haji Zahari bin Mohammad
(Wakil Jabl).

22 Ogos 1994

(2) SOALAN-SOALAN LISAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Bagi soalan-soalan lisan pula kita ada terima daripada -

- (a) YB Haji Mansor bin Sulong @ Ali
(Wakil Bukit Tunggal)
- (b) YB Haji Wan Muda bin Mohd.
(Wakil Kuala Berang)
- (c) YB Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
(Wakil Batu Burok)
- (d) YB Haji Harun bin Jusoh
(Wakil Bandar)
- (e) YB Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)
- (f) YB Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Wakil Rhu Rendang)
- (g) YB Haji Mohd. Abdul Wahid bin Haji Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
- (h) YB Haji Abdul Latif bin Muhammad
(Wakil Jerteh)
- (i) YB Haji Zahari bin Mohammad
(Wakil Jabi).

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Mansor bin Sulong @ Ali Wakil Bukit Tunggal mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI: Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Berapakah jumlah zakat harta yang disalurkan oleh Lembaga Urusan Tabung Haji kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu bagi pihak ahli atau penyimpan setakat ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Tabung Haji tidak mengeluarkan zakat harta tetapi mengeluarkan zakat perniagaan bagi pihak pendeposit-pendeposit Tabung Haji (ahli/penyimpan).

Sehingga 1413 Hijrah (1993), jumlah Zakat Perniagaan yang telah disalurkan oleh Tabung Haji bagi pihak pendeposit-pendeposit Negeri Terengganu kepada

22 Ogos 1994

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu mulai 1400H hingga 1413H adalah sebanyak RM2,204,069.35. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah zakat yang dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji habis di agihkan bagi setiap tahun.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, maksud Yang Berhormat daripada Bukit Tunggal "agihan" kepada siapa?

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Maksudnya duit zakat tersebut diagihkan kepada lapan bahagian, adakah kesemua wang itu habis diagih atau masih ada berbaki bagi setiap tahun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Pengagihan di bawah urusan dan pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Uagama Islam Negeri Terengganu dan pihak jabatan memang berusaha sedaya upaya untuk menghabiskannya.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Bolehkah pihak Kerajaan memberitahu Dewan ini bilangan atau pun jumlah penyertaan umat Islam Negeri ini dalam Tabung Haji.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sehingga April 1994 sejumlah 171,135 ahli atau pun penyimpan menyertai Tabung Haji iaitu kadar 23.89 peratus daripada jumlah penduduk.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Oleh kerana Tabung Haji beroperasi telah begitu lama di negara ini adakah pihak Kerajaan tahu mengapa peratusan penyertaan umat Islam negeri ini begitu sedikit sekali. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada pandangan sayalah, pada hemat saya dan hasil kajian di buat pertamanya kedudukan ekonomi rakyat negeri Terengganu. Dan yang keduanya memang diakui bahawa masih ada individu-individu yang masih tidak begitu yakin dan percaya bahawa Tabung Haji ini ialah satu pengurusan yang baik, comel dan sebagainya. Terima kasih Yang di-Pertua.

22 Ogos 1994

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - Apakah terdapat anasir-anasir sampingan yang cuba menghasut umat Islam Negeri ini supaya tidak menyertai Tabung Haji, kalau ada dari golongan manakah yang berbuat demikian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memang ada. Oleh kerana setiap perancangan dan program yang dibuat oleh pihak Kerajaan memang ada pihak-pihak yang cuba menafikannya atau pun menidakkannya atau pun mengatakan ia tidak baik.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Yang Berhormat ahli ExCo sedar bahawa Tabung Haji tidak berkemampuan untuk menyempurnakan permintaan pergi ke Mekah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itu anggapan Yang Berhormat daripada Batu Burok.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Bukan soal anggapan, ini rahsia umum, semua orang tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Tabung Haji berkemampuan dan berkebolehan tetapi sebagai sifat manusia sudah tentulah sedikit sebanyak ada kelemahan.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - Pada pendapat saudara Pengerusi Jawatankuasa Agama, adakah lebih baik sekiranya pihak LUTH mengagih-agihkan zakat tersebut secara bersendirian atau pihak LUTH tidak mempunyai kuasa berbuat demikian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di Negeri Terengganu ada jabatan yang bertanggungjawab untuk mengagihkan zakat.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Oleh kerana di antara 8 bahagian tergolong dari yang berhutang, adakah difikirkan layak seseorang ibu bapa yang mempunyai anak yang sedang belajar di Pusat Pengajian Tinggi diberi hak menerima zakat tersebut sekiranya mereka terpaksa berhutang untuk menghantar anak mereka ke Pusat Pengajian Tinggi.

22 Ogos 1994

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya pohon Yang Berhormat daripada Bukit Tunggal mengulangi sekali lagi soalan tambahan, kerana tidak berapa jelas.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Maksud saya pada hari ini anak-anak nelayan, anak-anak petani sedang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi, sesetengah ibu bapa mereka terpaksa berhutang untuk menghantar anak mereka, yang jelasnya mereka berhutang dengan Yayasan Terengganu, terima kasih. Adakah orang-orang seperti ini difikirkan layak untuk menerima zakat kerana di dalam 8 golongan itu termasuk orang berhutang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Bukit Tunggal itu bolehlah dikemukakan dan dibuat kajian oleh pihak Jabatan yang berkenaan.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih saudara ExCo. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-2.

Bagaimanakah sistem pembayaran bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada penerima melalui Giro Bank Simpanan Nasional dilaksanakan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Sistem pembayaran bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada penerima melalui GIRO Bank Simpanan Nasional telah mula dilaksanakan pada bulan Januari 1994 dan sebagai projek printis, dua kawasan telah dipilih iaitu Batu Rakit dan Mengabang Telipot dengan usahasama serta sokongan yang kuat dari pihak Bank Simpanan Nasional. Buat masa ini seramai 479 penerima bantuan di kedua kawasan tersebut telah menerima bantuan mereka melalui sistem ini.

Sistem ini beroperasi lebih kurang begini -

- i) Setiap penerima bantuan yang terpilih dikehendaki membuka Buku Akaun Simpanan masing-masing di Bank Simpanan Nasional;
- ii) Nombor akaun (BSN) penerima bantuan dicatitkan dalam senarai penerima Bantuan iaitu kenyataan bayaran bantuan yang disediakan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah pada tiap-tiap bulan;

22 Ogos 1994

- iii) Kenyataan tersebut berserta dengan Baucer Pembayaran dihantar ke Pejabat Akauntan Negeri;
- iv) Akauntan Negeri akan mengeluarkan Cek atas nama Bank Simpanan Nasional dan dihantar ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berserta dengan Senarai Penerima Bantuan;
- v) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah akan mengemukakan Cek tersebut berserta dengan Senarai Penerima Bantuan kepada Bank Simpanan Nasional untuk dikreditkan kepada Akaun Penerima Bantuan;
- vi) Penerima Bantuan bolehlah mengeluarkan wang berkenaan melalui GIRO Bank Simpanan Nasional pada bila-bila masa yang difikirkan مناسب.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tinggi): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah sistem GIRO ini merupakan sistem yang menggunakan Kad atau Buku biasa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Kedua-duanya kita gunakan untuk menolong penerima-penerima yang tidak dapat menggunakan Kad.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tinggi): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah pihak saudara Pengerusi Pendidikan dan Kebajikan merasakan bahawa sekiranya sistem kad digunakan, kad itu akan disalah gunakan oleh cucunyakah yang ketagih dadah dan sebagainya, adakah kemungkinan perkara ini tidak berlaku. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Kemungkinan itu ada.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tinggi): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Sekiranya sistem Kad digunakan maka pihak Bank akan mengenakan Bayaran Perkhidmatan sebanyak RM10 setahun, siapakah yang menanggung Bayaran Perkhidmatan ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Kerajaan yang menanggung.

22 Ogos 1994

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggai): Terima kasih Dato'. Soalan ke-3.

Adakah benar Persatuan Nelayan Negeri Terengganu melalui Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Terengganu Selatan telah mengemukakan tuntutan gantirugi sejumlah RM2 billion kepada pihak pengurusan Petronas?

YANG BERTHORMAT DR ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, tidak benar.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggai): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Oleh yang demikian tidak ada tuntutan sebanyak RM2 billion yang telah dibuat oleh pihak Persatuan Nelayan Negeri Terengganu, maka desas desus yang terkeluar di akhbar baru-baru ini adalah palsu.

YANG BERTHORMAT DR ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, perkara seperti itu di luar pengetahuan saya.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggai): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan, sejauh manakah perhatian atau prihatinnya saudara kepada kaum nelayan dan pertanian seandainya perkara macam ini saudara tidak tahu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, kita sebagai Kerajaan memang mengambil berat masalah nelayan bahkan semenjak 91 lagi Kerajaan telah mengemukakan bersama dengan Persatuan Nelayan Negeri Terengganu masalah-masalah yang dihadapi dengan kerosakan bubu bahkan usaha bersama antara Kerajaan dengan Persatuan Nelayan ini telah pun membolehkan bayaran-bayaran dibuat oleh Syarikat Carigali minyak untuk kerosakan bubu sebanyak RM119,575 dan untuk kerosakan Unjang pula sebanyak RM10,100 ini menunjukkan Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan peka kepada masalah nelayan. Cuma sekiranya suatu tuntutan yang tidak dibuat melalui saluran-saluran Kerajaan maka sulitlah bagi kita untuk mengambil tahu segala-segala yang berlaku di dalam gelap Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggai): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Sekiranya pihak Nelayan ada buat tuntutan, adakah pihak Kerajaan Negeri Terengganu setuju dengan tuntutan tersebut.

22 Ogos 1994

YANG BERTHORMAT DR ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): PENENTU, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, adalah Persatuan Nelayan Negeri Terengganu. Persatuan Nelayan Negeri Terengganu, PENENTU ini baharu sahaja mendapat mandate melalui Mesyuarat Agongnya baru-baru ini pada 25.6.1994 untuk mengemukakan tuntutan-tuntutan. Jadi sehingga itu kita akan bersama-sama dengan PENENTU, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, untuk membantu Persatuan Nelayan ini dalam urusan tuntutan daripada Syarikat Carigali Minyak.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, saya kurang jelas. Di peringkat awal saudara Pengerusi Perikanan mengatakan bahawa dia tidak tahu menahu kemudian di peringkat akhir ini pula katanya dia pernah tahu bahawa ada Mesyuarat yang mengatakan bahawa tuntutan akan dibuat, bagaimana kedudukannya?

YANG BERTHORMAT DR ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal ialah perkara yang berlaku dalam gelap, di luar pada pengetahuan pihak Kerajaan. Jadi oleh kerana ini adalah di luar daripada pengetahuan kita maka kita terpaksa menjawab sepertimana yang dikehendaki oleh pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal, Dato' Yang di-Pertua. Apabila PENENTU membuat tuntutan nanti, melalui saluran-saluran kerajaan insyaAllah kita tidak akan hampakan harapan mereka sepertimana yang pernah kita lakukan pada tahun 1991.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Seandainya tuntutan sebanyak RM2 billion diluluskan oleh PETRONAS adakah pada pendapat saudara Pengerusi Perikanan beranggapan bahawa dengan tuntutan ini masalah Nelayan akan dapat diatasi.

YANG BERTHORMAT DR ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Tunggal mengandaikan RM2 billion itu akan menjadi tuntutan yang boleh diluluskan. Sekiranya itu berlaku, insyaAllah kita akan sama-samalah bincang dengan Persatuan Nelayan kerana Kerajaan memang hendak bantu nelayan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan terakhir - Seandainya saya mencadangkan 1% royalti minyak ditambahkan kepada 5% yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk kaum nelayan, adakah saudara Pengerusi Perikanan bersetuju.

22 Ogos 1994

YANG BERHORMAT DR ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini bukan soal setuju atau pun tidak setuju, perkara ini bukanlah perkara yang mudah dipertimbangkan sebegitu sahaja. Kita perlu rundingkan, bincangkan bagaimana kaedah-kaedahnya, bagaimana tataranya yang boleh kita gunakan dan bantu nelayan-nelayan. InsyaAllah kita akan sama-sama dengan Nelayan, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggai): Dato' Yang di-Pertua, saya tarik baliklah soalan tambahan kerana saya tidak puas hati dengan jawapan. Pada cadangan saya itu bahawa ...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, masa Soalan, bukan masa Cadangan ini. Jadi soalan Yang Berhormat itu memang tidak kena pada tempatlah, mencadang. Cuma masa kita untuk mendapat tahu satu perkara yang telah berlaku, tapi hendak cadang satu perkara yang baru itu tidak masuk dalam bab kita ini. Jadi berhenti setakat itulah.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (Wakil Bukit Tunggai): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya - Pada prinsipnya adakah saudara Pengerusi Perikanan bersetuju bahawa kita minta 1% royalti untuk nelayan bagi Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DR ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, ini bukan soal setuju atau pun tidak setuju, kita bincang tentang tatacara bagaimana kita boleh bantu Nelayan dan soalan ini bukanlah soalan keputusan untuk saya seorang yang menjawabnya kerana kita adalah Kerajaan, kita berbincang dengan berbagai-bagai pihak.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya persilakan Wakil Kuala Berang untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Assalamualai-kum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Sila nyatakan berapa banyakkah pelabur asing yang menanam modal di Terengganu dalam tempoh 1989 hingga 1993. Sila nyatakan juga jumlah wang yang dilaburkan serta berapa banyakkah peluang pekerjaan yang dapat ditampung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT CHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Bagi menjawab soalan ahli Yang Berhormat itu suka saya memaklumkan bahawa bilangan

22 Ogos 1994

Pelabur Asing yang telah diluluskan lesen untuk ditempatkan di Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut iaitu -

Diluluskan dan aktif -

Diluluskan - 37 dan
Aktif - 24.

Jumlah Pelaburan diluluskan 18 billion

Yang aktif - 8.8 billion.

Peluang pekerjaan yang sepatutnya mengikut kelulusan 26 ribu

Yang aktif - 10 ribu.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Berapakah pulangan dan keuntungan kepada Negeri daripada pelaburan itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, soalan itu tidak jelas secara "specific".

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat ExCo telah menjelaskan pelaburan-pelaburan yang dibuat di Terengganu, saya tanya berapa pula pulangan kepada negeri secara langsung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, kalau dimasukkan pulangan kewangan, saya suka menyatakan oleh kerana pelaburan ini tidak melibatkan pelaburan Kerajaan Negeri maka tidak ada pulangan keuntungan daripada penyertaan projek. Kalau dimaksudkan hasil daripada penjualan tanah-tanah, tapak-tapak perindustrian saya minta notis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - Dengan peluang pekerjaan yang begitu banyak dapat disediakan, adakah kadar pengangguran di Terengganu telah menurun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, pada umumnya kadar pengangguran telah pun turun

22 Ogos 1994

berdasarkan kepada peluang-peluang pekerjaan yang telah diwujudkan hasil daripada pelaburan-pelaburan ini. Pengangguran pada satu masa di Negeri Terengganu pernah dicatatkan pada tahap 10% tetapi pada masa ini kadar pengangguran di Negeri Terengganu telah pun turun pada kadar 7%, kira-kira. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang di-Pertua, soalan tambahan - Bolehkah Yang Berhormat memberitahu mengapakah kepesatan perkembangan pelaburan di Pantai Timur termasuk di Terengganu tidak seperti di Pantai Barat. Maksud saya, bolehkah Yang Berhormat memberi tahu di antara faktor-faktor sebabnya dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi perkara tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, memang kita mengharapkan lebih pesat lagi proses perindustrian di Negeri Terengganu yang sebagaimana kita tahu adalah satu usaha yang agak terkebelakang berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Walau bagaimanapun pada pandangan saya adalah tidak tepat untuk membandingkan kepesatan kemajuan perindustrian Negeri Terengganu malah di Pantai Timur berbanding dengan negeri-negeri Pantai Barat yang telah lama terlibat dalam proses perindustrian. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberikan angka-angka untuk menunjukkan prestasi perindustrian Negeri Terengganu berbanding dengan negeri-negeri yang lain di Pantai Barat dan khususnya di Pantai Timur.

Pertama saya suka menyatakan bahawa Negeri Terengganu sejak dua tahun yang lalu telah muncul sebagai negeri yang "leading state" di Pantai Timur dalam bidang Perindustrian di mana pada setengah tahun 1994 Januari hingga Jun Negeri Terengganu telah menerima kelulusan sebanyak 15 buah projek dengan pelaburan berjumlah RM3 billion semuanya berbanding dengan Negeri Pahang yang menerima 11 projek dengan pelaburan RM400 million dan berbanding dengan Negeri Kelantan yang menerima 3 projek dengan pelaburan RM20 million.

Yang keduanya saya suka menyatakan iaitu daripada prestasi yang ditunjukkan oleh usaha-usaha Kerajaan dan juga agensi-agensi termasuk unit pelaburan Negeri Terengganu, jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Terengganu sudah pun mengatasi negeri-negeri yang lain di Malaysia di mana dengan pelaburan ini Terengganu merupakan Negeri yang paling banyak menerima pelaburan sama ada pelaburan asing atau pun tempatan. Negeri Johor sebagai perbandingan, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, menerima pelaburan sebanyak RM1.3 billion. Negeri Selangor menerima pelaburan sebanyak RM1.6 billion. Negeri Pulau Pinang menerima RM339 million. Jadi, Dato' Yang

22 Ogos 1994

di-Pertua walau pun kita belum pesat menerima kilang-kilang sebagaimana di Pantai Barat tetapi Negeri Terengganu telah pun menunjukkan prestasi yang sangat memperangsangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah benar dakwaan Pengarah Urusan PERWAJA bahawa PERWAJA terpaksa berpindah sebahagian besar daripada pelaburannya ke Kedah kerana Kerajaan Terengganu tidak bersedia untuk memberi kemudahan-kemudahan asas yang setimpal dan yang baik ya'ni seperti harga tanah dan kawasan yang tidak sesuai.

BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, itu soal dia hendak pindah itu soal dialah tapi memang tidak benar bahawa Kerajaan Negeri Terengganu tidak bersedia menyediakan dan membantu sebagaimana yang dikatakan. Memang menjadi salah satu daripada strategi dan langkah kita. Itu bagi menggalakan perindustrian di Negeri Terengganu Kerajaan Negeri senentiasa bersedia membantu menyediakan kemudahan dan memastikan pelaksanaan projek di negeri ini berjalan dengan licin, pantas dan berkesan bukan sahaja di peringkat permulaan tetapi juga selepas operasi. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Saya di maklumkan sendiri oleh Pengarah Urusan PERWAJA bahawa tanah yang diberi, syarat Premium tanah yang di beri terlalu mahal dan Kedah hanyalah memberi 40 sen sekaki dan syarat-syarat lain juga seolah-olahnya menghalau PERWAJA dan memaksa beliau pindah daripada Terengganu walau pun Terengganu mempunyai kepentingan yang terkhusus.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, dia boleh bagi apa alasan, terpujang kepada dia.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Berkait dengan "second corridor" dengan izin, Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, apakah "incentive" utama yang telah dapat di sediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan, ini soal "second corridor". Saya suka memaklumkan kepada Dewan iaitu Kerajaan Negeri Terengganu khususnya amat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah bersetuju melaksanakan "second corridor" ini bagi wilayah Pantai Timur. Ada beberapa incentive sebagaimana yang telah kita sedia maklum tetapi saya suka menekankan iaitu satu incentive yang terbaru yang

22 Ogos 1994

telah di rundingkan di antara Kerajaan Negeri dengan pihak Kerajaan Pusat dan yang terbaru sahaja dipersetujui di bawah skim ini yang menjadi sebahagian daripada Skim untuk "second corridor". Kesemua kilang-kilang yang sudah pun berada di Pantai Barat yang telah menikmati kemudahan "pioneer status" yang sudah pun habis tempohnya yang mahu mengadakan projek pembesaran yang kalau di tempatkan di Pantai Timur maka projek yang sedemikian itu akan menikmati "second round pioneer status" atau pun "pioneer status" kali yang kedua. Dan kalau di tempatkan di sebelah Pantai Barat maka projek ini tidak lagi mendapat "incentive second round pioneer status. Pada saya inilah incentive yang terbesar yang boleh dimanfaatkan oleh negeri-negeri di sebelah Pantai Timur dan Negeri Terengganu khususnya. Bagi kita di Negeri Terengganu kita mengambil peluang daripada dasar ini dan kita telah pun mengadakan perbincangan dan program bersama dengan MIDA untuk mendapatkan lebih banyak kilang-kilang daripada Pantai Barat yang mempunyai rancangan untuk projek pembesarannya ditempatkan di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Oleh kerana Pelaburan Asing kadang-kadang membawa bersama pekerja-pekerja asing, di mana kedatangan pekerja-pekerja asing yang dilakukan oleh pelabur-pelabur asing untuk mendapat keuntungan yang lebih banyak memberi kesan yang negatif kepada ekonomi penduduk negeri dan kepada sosial. Sejauh manakah langkah yang diambil oleh tiap-tiap negeri bagi mengatasi masalah kedatangan pekerja-pekerja asing melalui pelabur-pelabur asing.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soal pekerja asing yang pertamanya ialah soal Pegawai Expatriat ini adalah soal yang ditentukan mengikut peraturan dan juga syarat-syarat oleh pihak berkuasa Persekutuan. Begitu juga pengambilan pekerja-pekerja asing di peringkat bawahan seperti Operators dan sebagainya ini juga dikawal oleh pihak berkuasa Persekutuan. Walau bagaimanapun menyentuh soalan yang dikemukakan itu Dato' Yang di-Pertua saya fikir hendaklah kita menghadapinya dengan cara yang positif. Masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang di negara ini dan ini masih belum terasa, bagi Negeri Terengganu ini ialah masalah kekurangan tenaga pekerja terdapat satu jurang di antara permintaan dan juga tawaran pekerja-pekerja berbagai-bagai category dan juga kemahiran. "Gap" ini atau pun jurang inilah yang menimbulkan masalah dan menyebabkan Kerajaan memutuskan dasar membenarkan dengan syarat-syarat dan peraturan dan tatacara tertentu tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa untuk setengah-setengah daripada kilang membawa masuk pekerja-pekerja asing. Bagi kita di Negeri Terengganu masalah ini kita jangka akan berlaku juga di negeri ini tetapi kita ada pendekatan untuk menghadapi kemungkinan ini melalui rancangan-rancangan

22 Ogos 1994

latihan kemahiran. Sebagaimana yang Dewan sedia maklum Kerajaan Negeri Terengganu membelanjakan lebih RMI5 juta untuk melaksanakan program latihan sambil belajar, melatih rakyat Negeri Terengganu di kilang-kilang dan juga Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan berbagai-bagai institusi latihan dan pelajaran tinggi seperti di KUSZA dan juga TATI dan program-program bersama pihak pengilang swasta untuk melatih pekerja-pekerja kilang. Sedikit sebanyak kalau pun berlaku pekerja-pekerja asing bekerja di kilang itu mungkin tidak dapat dielakkan dan tidak boleh dianggap sebagai satu kerugian yang besar kepada negara dan juga negeri Terengganu sehingga ia boleh dijadikan sebagai satu isu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Bolehkah pihak Kerajaan memberitahu Dewan berapa ramaikah pula warganegara asing yang diberi kerja untuk datang bekerja di Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, soalan ini berhajatkan kepada statistik, soalan yang lain, saya minta notis. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor 2.

Sila nyatakan berapa banyakkah pelabur asing yang telah committed untuk datang ke Terengganu bagi negara-negara berikut:

- i. Jepun
- ii. Singapura
- iii. United Kingdom
- iv. Indonesia.

Nyatakan juga jumlah wang yang akan terlibat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini pelabur-pelabur asing yang telah diluluskan lesen perkilangan mengikut negara-negara, ada empat negara iaitu yang di tanyakan -

<u>Negara</u>	<u>Jumlah diluluskan</u>	<u>Jumlah Pelaburan</u>
Jepun	9	1.4 billion
Singapura	8	84 million

22 Ogos 1994

United Kingdom	4	2.9 billion
Indonesia	1	1.18 billion

Selain daripada negara-negara ini terdapat beberapa negara yang lain yang telah diluluskan projek dan melabur di Negeri Terengganu -

Korea	- 1 projek,
Hongkong	- 1 projek,
Cina (baru diluluskan)	- 1 projek.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Dari jumlah negara asing yang begitu banyak di buat lawatan untuk menarik pelabur datang ke Terengganu ada atau tidak negara-negara asing yang dilawati itu menyambut dingin pelawaan yang di buat, kalau ada apakah punca utama negara-negara berkenaan bersikap sedemikian rupa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, ada yang sejuk ada yang panas, macam-macam sambutan. Kita kisah yang panas, yang sejuk sambutannya kita usaha lagi masa akan datang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Iaitu pelabur-pelabur dari Korea, Taiwan dan Cina semuanya ada satu industri yang hendak dibuka di Terengganu, saya ingin mendapat penjelasan apakah bentuk perindustrian dari negara-negara berkenaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Korea - integrated timber; Taiwan - Tidak ada; Hongkong - membotolkan air (saya ingat) refinery. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Ada atau tidak pihak Kerajaan bercadang untuk tidak membenarkan pekerja-pekerja wanita bekerja pada shift malam.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Di Kelantan ada dulu, di Terengganu tidak ada difikirkan.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah ada permasalahan pekerja-pekerja

22 Ogos 1994

wanita bekerja shift malam ini adakah pernah pekerja-pekerja ini dicuri orang atau bagaimana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Soalan serious atau tidak serious? Saya belum ada laporan kena curi, yang ada saya dapat laporan semuanya bekerja dengan selamat dan gembiranya. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Laporan di kawasan perindustrian Taiping lebih kurang 20 orang sebulan yang dicuri orang, adakah berlaku sama di Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kita belum ada menerima laporan ini dan saya suka menyebutkan dengan seriousnessnya, bagi pekerja-pekerja wanita pihak syarikat masing-masing mengendalikan tatacara yang sungguh berkesan untuk memastikan pekerja dibawa bekerja dengan pengangkutan kilang dihantar balik dengan pengangkutan kilang di waktu malam dan juga bagi pekerja-pekerja yang tinggal di asrama langkah-langkah diambil untuk menjaga keselamatan mereka dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan yang ke-3.

Adakah pembinaan masjid-masjid di Terengganu mengikut pelan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, pembinaan masjid-masjid di Terengganu yang dibina oleh Kerajaan adalah mengikut pelan.

Pelan-pelan yang digunakan adalah mengikut muatan yang diperlukan dan juga peruntukan yang disediakan. Terdapat beberapa pelan yang telah digunakan mengikut capacity atau pun muatan bangunan yang berkenaan atau pun masjid yang berkenaan iaitu Pelan masjid yang bermuatan -

250 orang jemaah
350-500 orang jemaah
700-900 orang jemaah
900-1500 orang jemaah
2000 jemaah.

22 Ogos 1994

sehingga kini ada sebanyak 400 buah masjid yang telah dibina oleh Kerajaan di seluruh Negeri Terengganu dan dalam pada itu ada beberapa keadaan tertentu iaitu seperti perubahan-perubahan yang kecil mengikut kehendak-kehendak Jawatankuasa Masjid yang kadangkala walau pun pelan yang digunakan sama tetapi rupa bentuk yang sedikit sebanyak agak berlainan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Ada atau pun tidak dalam pengetahuan Kerajaan masjid-masjid yang didirikan tanpa kelulusan pelan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Ada, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, boleh pihak Kerajaan memberi contoh?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya bagi contoh tentang beberapa buah masjid yang digunakan tanpa mengikut pelan yang diluluskan umpamanya seperti Masjid Losong Haji Shafie dan yang kedua Masjid Rhu Sila, Marang. Itu contohnya, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tambah, Masjid Kampung Buloh.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Masjid mana? Kuala Berang ke Kampung Buloh?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kampung Buloh, Kuala Berang. Kampung Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setahu saya masjid di Kampung Buloh itu didirikan sebelumnya ada Jumaah Bandaran lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tadak berpelanlah ini, tadak berpelan langsung pun, bukan sekadar ada pelan, tadak pelan pun Kampung Buloh, hak kita ada pelan, hak kita..(KETAWA)...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang di-Pertua, itu masjid lama.

22 Ogos 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Losong pun tua lagi, Losong tua, Masjid Rhu Sila tua, tua daripada Kampung
Buloh lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MOHAMAD (Wakil Jabi): Soalan tambahan
Masjid baru di Kampung Raja, masjid besar itu ikut pelan mana, bocor itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Dato' Yang di-Pertua, sampai tangga tu Wakil daripada Jabi, kalau saya
cakapkan itu pulak - Kita melaksanakan masjid mengikut pelan. Masjid lama
Kampung Raja kita ubahsuai mengikut pelan yang telah pun diluluskan oleh
Kerajaan Tempatan. Jadi janganlah sampai tangga tu buat tak tahu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat
Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Sebagaimana yang telah dijelaskan
oleh pihak Kerajaan tadi bahawa terdapat masjid-masjid yang dibina tanpa
pelan khususnya semenjak wujudnya Kerajaan-kerajaan Tempatan. Saya ingin
mendapat kepastian sekiranya masjid yang dibina tanpa pelan ini berlaku,
kita mintak tak ada berlaku apa-apa, tetapi sekiranya berlaku apa-apa
kemalangan dan sebagainya siapakah yang akan bertanggungjawab? Terima
kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Dato' Yang di-Pertua, memanglah sepatutnya apabila kita membangunkan
sesebuah bangunan batu terutama sekali maka ia berkehendakkan mengikut
pelan-pelan yang telah ditetapkan dan akan diluluskan oleh Pihakberkuasa
Tempatan sama ada oleh Majlis Perbandaran atau pun Majlis-Majlis Daerah
tetapi ada setengah-setengah bangunan umpamanya bangunan masjid, tapi Dato'
Yang di-Pertua saya pun kadang-kadang keliru jugak terutama sekali Masjid
Rhu Sila, masjid atau pun asrama? Sebab saya tengok ikut tepi tembok ini,
di tepi jalan ini dia macam bentuk asrama, jadi tak tahu hak mana satu
masjid atau pun asrama walau bagaimana pun orang yang bertanggungjawab
kalaulah runtuh bangunan yang berkenaan pihak yang membina bangunan yang
berkenaanlah yang akan bertanggungjawab. Terima kasih Dato' Yang
di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat
Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah pihak Kerajaan bercadang
untuk mengambil tindakan ke atas masjid-masjid yang dibina tanpa kelulusan
pelan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Kita ada beberapa peringkat pentadbiran, Dato' Yang di-Pertua. Jadi kita
serahkan lah kepada pihak berkuasa tempatan dan jabatan-jabatan yang

22 Ogos 1994

berkaitan untuk mengambil tindakan sekiranya ianya melanggar peraturan sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Dan saya sokong, saya ucapkan tahniah, saya harap Wakil Rakyat lain pun baca Undang-Undang.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah setakat ini pihak Kerajaan telah mengambil sebarang tindakan terhadap masjid-masjid yang dibina tanpa pelan atau pun tanpa kebenaran Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Tempatan telah pun meneliti perkara ini tetapi cara tindakan yang akan dibuat itu dia terpaksa berunding, berbincang cara mana dan bagaimana tindakan-tindakan yang akan dibuat dan ini perlu dikaji dengan mendalam berkait dengan bangunan-bangunan yang berkenaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya persila Wakil Batu Burok untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Bilakah Kerajaan bercadang memulakan pembinaan perparitan ke atas parit yang sedia ada dari Kg. Bukit Besar ke Kg. Tok Molor, Kuala Terengganu yang terpaksa membekukan pembinaan berhampirannya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kerja pembinaan telah termasuk di dalam pakej kontrak DC3 (parit dalam parit ini) (Sistem perparitan Bandar MPKT) yang sedang dalam peringkat pengambilan balik tanah. Tawaran bagi pembinaannya dijadualkan pada tahun 1995 selepas selesai pengambilan balik tanah dibuat. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Penjelasan dan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah bermakna perparitan itu tidak dilakukan ke atas parit yang sedia ada?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, ini adalah perkara teknikal dari larian air. Parit yang sedia ada ini orang buat dulu tanpa ada bangunan dan begitu begini, sekarang cukup banyak dah, orang diri rumah atas parit ada sekarang, jadi terpaksa dibuat, bila dibuat survey, ukuran, macam-macam akan terlibat di atas tanah, ini soal teknikal, itulah dibuat perancangan yang begini rupa di peringkat-peringkat. Sekian Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Ke Yang BERTHORMAT ExCo tak pernah lalu kawasan dia, saya tengok tidak ada sebuah pun yang rumah ada di atas parit, kalau ada pun atas tanah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang BERTHORMAT Yang di-Pertua, bukan parit hak Kerajaan buat, hak orang kampung buat, dia tidak tahu.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya lah, Dato' Yang di-Pertua saya minta penjelasan, saya kata saya tidak pernah tengok rumah atas parit tapi mungkin atas tanah ada, ke Yang BERTHORMAT tidak pernah berjalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua dia tidak tahu, kalau pergi ke Losong dulu kita alih dah kedai atas parit, boto', dia tengok balik Batu Burok ja...(KETAWA)...

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, saya minta maaf Dato' Yang di-Pertua, saya rasa yalah dia lari dekat lain, saya tumpu tempat yang bercakap tetapi sepatutnya - saya difahamkan laluan longkang itu ialah atas parit yang sedia ada tidak akan melibatkan pengambilan baru, betulkah begitu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, ianya tidak cukup parit yang ada itu, dia mesti luas, itu larian air banyak mana sekarang. Ini technical, itulah saya kata, dia ada perancangan, macam yang telah dibuat itu cuba kita tengok, hak pakej D1 itu kita duduk lalu sokmor, itulah besar luasnya bukan macam parit dulu. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan yang kedua Dato' Yang di-Pertua.

22 Ogos 1994

Apakah yang menghalang Kerajaan untuk mengeluarkan suratan hakmilik (geran) baru selepas pengambilan balik contohnya Daftar 3007 Runcit 785 - GN 135 bertarikh 18.3.1962.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan sedar di atas perkara yang berlaku kerana ianya ada kaitan di antara Pejabat Tanah dan Pejabat Ukur. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk menyelesaikan perkara berbangkit. Sekian Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Kalaupun permasalahan pengambilan balik tanah dan keluar geran baru tidak diselesaikan selama 34 tahun berapa tahun Kerajaan Terengganu akan menyelesaikan perkara ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soal tanah ini rumit, hak zaman Jepun ada tidak selesai lagi, Dato' Yang di-Pertua. Sekian.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, ini soalan serius bukan soalan main-main. Saya kata Kerajaan ambil tanah 1962, sampai hari ini belum selesai lagi hendak keluar geran baru atau pun hendak selesaikan geran-geran yang terlibat dengan tanah ini dan sedangkan pengambilan balik tanah berlaku tiap-tiap bulan di seluruh negeri adakah sampai kiamat baru selesai masalah ini. Ini merasakan bahawa kelemahan jentera pentadbiran.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya jawab serius, mungkin bahawa Wakil Batu Burok terima tidak serius. Perkara tanah ini bukan senang, fasal itu dibentukkan satu jawatankuasa khas. Saya kata tanah zaman Jepun belum selesai lagi ini betul, (A.A.) "Approved Application" di mana tidak diiktiraf sebagai geran hari ini, ada lagi. Jadi kalau tidak tahu janganlah hendak kebar-kebar di kampung.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, bukan soal kebar, ini kebar jala pun tidak betul. Saya kata ini secara serius, adakah Pentadbiran Tanah sebegitu lemah di negeri ini sehinggakan Pejabat Tanah tidak dapat berhubung dengan Surveyor selama 32 tahun untuk keluar satu geran diatas pengambilan yang satu sedang pengambilannya berlaku tiap-tiap bulan di seluruh negeri. Ini bukan perkara main-main dan hasil cukai tanah kita ambil penuh sedangkan tanah rakyat diambil sebahagian besar daripadanya. Bila lambat bayar didenda,

22 Ogos 1994

ini masalah yang di hadapi oleh rakyat, Dato' Yang di-Pertua. Jadi saya hendak mintanya, bila lagi kalaulah pengambilan gazetteenya 18.3.1962 belum selesai, berapa lama lagi Kerajaan boleh ambil untuk menyelesaikan pengeluaran geran berkait dengan tanah yang diambil ini. Ini satu beri contoh satu saja baru, kalaulah sekarang ini rakyat sibuk dengan kes-kes yang terlonggok di Mahkamah cuma dua tiga tahun, ini tanah rakyat yang diambil hasil lebih, cukai lebih, 32 tahun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini "isolated case" hak sa daripada berjuta-juta hak ini duduk keber ini saya kata. Manusia itu lemah, ingat kepada satu firman Allah -

وخلق الانسان ضعيفا

Tuhan jadikan manusia ini daif, ini ingatlah begitu. Ini benda yang satu-satu ini. Sekian Dato' Yang di-Pertua - ini apa benda hendak bercakap, hendak "highlight"...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): ...Duduk dulu saya hendak jawab ..(KETAWA).. duduk dulu, saya tidak beri jalan...(KETAWA)... Itulah saya ceritakan ini, hendak tunjuk Kerajaan lemah, betullah, kita perbetullah mana yang lemah, awak ingat awak gagah sangatkah. Sekian, Dato' Yang di-Pertua. (KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih. Hari ini barulah Ladang kata dia lemah, dan saya akui dia lemah, tidak rak sungguh dah, kena berhenti dah. Soalan yang ke-3.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dia kata Kerajaan lemah ...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan yang ke-3 Yang Berhormat.

Adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan pemungutan sampah dalam kawasan MPKT bagi mengatasi pencemaran dan kekotoran yang bertambah buruk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pihak Majlis Perbandaran Kuala Terengganu mempunyai cadangan menswastakan pemungutan sampah dalam kawasannya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jadi adakah ini mengesahkan lagi kelemahan pentadbiran, Dato' Yang di-Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, swasta bukan bererti lemah, ini dasar Kerajaan, fahamlah. Sekian Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, kalau kita tidak rak kita beri ke orang, dasar itu kita buat dasar, kita tidak rak kita beri ke orang. Dan kalau kita tidak mampu kita berhentilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Dato' Yang di-Pertua, soal berhenti tidak, itu soal ditentukan oleh Allah. Kalau saudara ingat saudara gagah, Allah tolong saudara, ini adalah "personal" Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya jawab ini "official". Dia kata bahawa pentadbiran lemah - Ada kelemahan-kelemahan yang kita perbetulkan, ini cara kita dalam Kerajaan selama ini dan Dasar Pensiwaan adalah menjadi dasar Kerajaan yang mana hendak dilaksanakan, itu saja. Sekian Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Jadi "incinerator" atau pun pembakar sampah yang kita beli RM5 juta itu hari tidak terpakai sampai sekarang ini kerana sampah tidak terpunjut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, "incinerator" ini saya akan jemput Yang Berhormat Pembangkang semua akan melawat kerana sekarang ini pihak Lembaga Elektrik Negara telah memasang alat-alatnya untuk menyampaikan power kepada Negeri Terengganu ke Kuala Terengganu satu megawat yang boleh memberi kuasa kepada separuh daripada bandar ini dan inilah IPP independent power yang pertama di Malaysia ini yang kecil. Jadi ini telah dibaiki dan ini akan beroperasi bila-bila masa. Saya akan jemput Yang Berhormat Wakil Batu Burok dan kaum-kaum dia, Haji-haji semua untuk pergi. Sekian, Dato' Yang di-Pertua...(KETAWA).

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Jadi sejak kita beli sampai hari ini tidak beroperasi, Gajah Putih ini menjadi pembaziran, tidakkah ada

22 Ogos 1994

"feasibility" kajian teknikal. Sebelum kita beli kereta ini kita boleh bawa kereta, kita beli kereta masuk dalam tabir, hendak buat apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini bukan pembaziran, kalau kita buat pada ketika itu RM7 juta, hari ini kalau hendak buat ini berpuluh juta. Cuma dibaiki yang diberi oleh Kerajaan RML.6 juta, jadi kita belanja bawah pada RM10 juta dan ini boleh memberi satu perkhidmatan yang baik selepas kita melalui kesilapan-kesilapan. Inilah perkara-perkara yang sedang dibuat oleh Kerajaan hari ini untuk memberi perkhidmatan yang selesa kepada rakyat. Sekian, Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya menjemput Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Bilakah Kerajaan membenarkan Kuil Hindu didirikan di Kemaman dan berapa ramai penduduk Hindu di Kemaman sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak pernah membenarkan Kuil Hindu didirikan di Kemaman. Manakala jumlah penduduk Hindu di Kemaman sekarang melebihi 1,000 orang. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat berkenaan tidak tahu bahawa adanya Kuil ini didirikan atau pun sibuk hendak rombak Masjid tapi rombak Kuil tidak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sedar Kuil itu ada kerana saya pun pernah ke Kemaman, acap kali ke Kemaman tapi Kuil itu di dirikan pada 2.10.1933.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, ada pelan tidak, pembesaran dia ada pelankah tidak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Bentuk Kuil tidak berubah cuma dia ubah suai, diperelokkan sedikit, tidak melibatkan pelan. Hiasan.

22 Ogos 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kuil tidak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bukan kata Kuil tidak apa, benda itu telah didiri sejak 2.10.1933 tetapi Yang Berhormat mesti ingat di Kelantan ada satu patong Budha terbesar di Jubakar Darat, Tumpat, Kelantan dibina pada bulan Jun 1991 dan siap pada Julai 1993, tinggi 120 kaki, atas bangunan 20 kaki tinggi...(BERTEPOK)....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang di-Pertua, Kelantan bukan negeri kita, tapi kalau Yang Berhormat hendak bandingkan Kelantan - Kelantan, saya tidak mahu cakap ini Kelantan berasingan, kita cakap hal Negeri kita kerana ini Dewan Undangan Negeri Terengganu...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam ceramah Yang Berhormat dalam Negeri Terengganu ini, Yang Berhormat selalu membandingkan Terengganu dengan Kelantan, apakah salahnya kalau saya membandingkan Terengganu dengan Kelantan jugak. ...(BERTEPOK)..

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ahli-ahli yang memakmurkan Kuil itu ialah ahli-ahli UMNO, adakah Yang Berhormat sedar? Bukan ahli PAS, ahli UMNO.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat, ini satu tuduhan yang berat mengatakan ahli UMNO memakmurkan Kuil, saya ingat Yang Berhormat patut tarik balik ini, "memakmurkan Kuil" ini satu tuduhan yang berat, saya minta Yang Berhormat tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): UMNO yang berketurunan Thai, Ahli UMNO yang berketurunan Thai, Ahli PAS tidak ada di situ, dekat Kuil itu...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa yang disoalkan kuasa membenar itu. Yang Berhormat mempersoalkan tadi membenar, saya menyebutkan soal membenarkan bangunan Budha itu, patong Budha itu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yalah, ini Kerajaan Barisan dululah ini.

22 Ogos 1994

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan ...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sila duduk. Masa kita bersoal jawab telah pun selesai, tamat...

CADANGAN MENURUT SEKSYEN 30 PERATURAN-
PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH
TETAP DEWAN.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin Yang Berhormat untuk mencadangkan dan mengemukakan satu Usul di bawah Fasal 30 Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu supaya persidangan Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan suatu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu di segerakan iaitu berhubung dengan dasar dan pemberian hak milik tanah satu penganiayaan terhadap rakyat miskin. Saya mohon izin untuk baca Dato' Yang di-Pertua -

Dato' Yang di-Pertua, dengan izin Allah Subhanahu Wataala saya ingin dengan rasa penuh tanggungjawab untuk membawa dan mengemukakan Usul ...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sila duduk dulu, saya terima Cadangan Yang Berhormat ini dan saya akan teliti dan saya akan memberitahu kepada Yang Berhormat sama ada Usul Yang Berhormat ini saya terima atau pun tidak. Sementara waktu, saya tangguhkan Dewan ini selama setengah jam.

DEWAN DI TANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

22 Ogos 1994

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat bersidang semula.

Sebelum Usul dikemukakan, saya hendak selesaikan Cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam di bawah Seksyen 30.

Ahli Yang Berhormat, saya telah meneliti kertas atau pun Cadangan yang telah dikemukakan kepada saya untuk ditangguhkan Dewan di bawah Seksyen ini untuk membincangkan satu perkara yang mustahak bagi orang ramai dan saya telah meneliti secara terperinci masalah yang dihadapi dalam Kertas ini dan cadangan ini ialah perkara ada hubungkait dengan orang ramai tetapi dia tidak mempunyai ciri "urgency" atau mustahak didahulukan sehingga kita tangguh Dewan bincangkan perkara ini. Kerana perkara ini terlibat dengan perkara yang telah ada termaktub di dalam Undang-Undang Tanah, dan barangsiapa yang rasa terkilan dengan tindakan di bawah Undang-Undang Tanah itu dia ada jawapan ataupun "remedy" untuk pergi ke Mahkamah dan Mahkamah boleh menentukan jawapan kepada ketidakadilan satu-satu tindakan yang dibuat di bawah Undang-Undang ini. Oleh itu saya tolak Usul ini.

CADANGAN INI DITOLAK.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):
Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

22 Ogos 1994

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Tambahan Peruntukan Yang Pertama daripada
Kumpulanwang Pembangunan Untuk Perbelanjaan
Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 1994

YANG BERHORMAT DR.ABDUL WAHAB BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Menurut Seksyen Kecil (3) Kepada Seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 Dewan Undangan Negeri ini membuat ketetapan bersetuju meluluskan tambahan peruntukan Yang Pertama daripada Kumpulanwang Pembangunan untuk Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1994 bagaimana ditentukan dalam Jadual dibawah ini:

J A D U A L

<u>Maksud</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Tambahan</u> RM
P.31	Pertanian	350,000.00"

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH @ WAHAB BIN SAAID (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya pohon menyokong Usul ini.

Oleh kerana tidak ada ahli Yang Berhormat yang hendak membahas, usul ini dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

22 Ogos 1994

Melantik YB Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
DSMT.,DPMT.,JSM.,PJK. Menjadi Ahli
Jumaah Universiti Malaya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN: Yang Berhormat
Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan bersetuju melantik YB Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, DSMT.,DPMT.,JSM.,PJK., menjadi Ahli Jumaah Universiti Malaya bagi tempoh (3) tahun mulai 1 September 1994 menurut Seksyen 13(i) Akta Universiti dan Kolej Universiti."

Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI DAUD BIN ABU BAKAR (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat
Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

Oleh kerana tidak ada ahli Yang Berhormat yang hendak membahas, usul ini dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

22 Ogos 1994

RANG UNDANG-UNDANG

Enakmen Perbekalan Tambahan (1994)

(No.1) 1994

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun yang tersebut dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUDA BIN ABDULLAH (Wakil Jerangau): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1994) (NO.1) 1994 DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Perbekalan Tambahan (1994)(No.1) 1994 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuannya ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 1994 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (1994) 1993.

Untuk keterangan lanjut sila rujuk kepada lampiran bilangan 5/94. Saya pohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI MUDA BIN ABDULLAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua dan sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, ahli-ahli Dewan dan para hadirin sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya ingin mengambil sedikit

22 Ogos 1994

masa untuk membicarakan Rang Enakmen Perbekalan Tambahan yang dikemukakan sekejap tadi.

Apa yang saya lihat satu peruntukan tambahan sebanyak 6.79 juta di kehendaki untuk berbagai-bagai kegunaan tetapi yang menarik perhatian saya ialah sebahagian besarnya adalah diperuntukkan kepada B.32. B.32 sebanyak 2 juta adalah diperuntukkan untuk memberi bantuan kepada masjid-masjid sama ada di dalam dan juga di Luar Negeri dan 2 juta ini juga akan dibiayai untuk kursus-kursus yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan sehingga akhir tahun 1994. Memang kita rasa senang hati bila Kerajaan bukan sahaja memperuntukkan peruntukan untuk memberi bantuan kepada masjid-masjid di dalam Negeri malah sampai kepada luar negeri. Bolehkah Kerajaan menyatakan masjid-masjid di luar Negeri yang terpaksa dibiayai oleh Kerajaan sehingga Kerajaan memerlukan peruntukan tambahan bagi tahun 1994 ini. Luar Negeri atau pun luar negara dan kita memang senang hati bila Kerajaan memberi bantuan kepada Masjid-masjid tetapi masalah penggunaan Masjid-masjid yang dilakukan oleh Kerajaan kadang-kadang ada masjid pada asalnya dibina oleh anak-anak kampung, yang ditadbir oleh orang-orang kampung, lantikan Imam, Bilal di buat oleh orang-orang kampung tapi apabila Kerajaan menghulurkan bantuannya maka mula tindakan merombak pentadbir Masjid, Pegawai-pegawai masjid, maka berikutan berlakulah pemecatan Imam-imam dan Bilal-bilal, ini suatu tindakan yang kita rasa tidak begitu baik yang boleh mencetuskan perasaan tidak puas hati, boleh mencetuskan perbalahan di kalangan anggota-anggota kariah disebabkan oleh tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan itu.

Yang ke-2nya masjid-masjid apabila hampir pilihanraya seperti sekarang ini maka diguna sepenuhnya oleh pihak-pihak yang tertentu bukan untuk memberi penjelasan agama tetapi untuk memberi kempen-kempen dan dakyah-dakyah untuk parti-parti politik yang tertentu di dalam negeri ini. Mereka menggunakan berbagai-bagai pihak antaranya Yayasan Islam, mereka menggunakan Unit Perpaduan Ummah dan berbagai-bagai lagi. Ini di antara kerja-kerja yang digunakan. Saya tertarik ada satu majlis itu berlaku, Majlis ini dia panggil orang tua-tua hendak ajak membaca Yaasin tetapi belum membaca Yaasin ini dia berucap dulu, dia kata kawasan ini tidak pembangunan sekarang ini, tidak macam dulu, jadi baca Yaasin hendak minta pembangunanlah. Jadi, ini kerja-kerja yang saya rasa kegiatan-kegiatan ini kita tidak tahu hendak nama kegiatan-kegiatan. Kalau dia guna jugak duit negeri, duit rakyat untuk dakyah-dakyah, untuk kepentingan parti politik tertentu kita rasa kesal di atas perbuatan ini. Dan mungkin juga ada hubungan dengan perkara 32.B juga yang mana RM500 ribu untuk kegiatan Dakwah Islamiah hingga akhir tahun. Memang nampaknya pesat betul akhir tahun 94 ini perlu kepada peruntukan $\frac{1}{2}$ juta untuk menjalankan kegiatan dakwah, barangkali tidak cukup tenaga-tenaga dalam Negeri Terengganu ini

untuk jalankan kegiatan Dakwah oleh sebab pesat nampak sekarang ini penceramah-penceramah, pendakwah-pendakwah daripada Pusat Islam Kuala Lumpur dibawa masuk begitu kerap, begitu hebat ke Negeri Terengganu ini, barangkali di sini sudah tidak ada tenaga lagi, kerana penceramah-penceramah di Terengganu ini orang sudah kenal, mungkin hendak tipu orang payah sedikit cari yang daripada Kuala Lumpur pula, Pusat Islam. Dan kadang-kadang yang datang itu oleh sebab orang suruh datang, datang. Tentulah bila penceramah yang datang daripada Kuala Lumpur sana tentulah hendak duit banyak, tambang kapal terbang lagi, hendak itu dan sebagainya. Mari, tidak mari dengan kereta, mari dengan Kapal Terbang, duduk di Primula Hotel. Memanglah memerlukan belanja yang banyak. Saya dengar satu ceramah, dibawa ke Kampung, sedap jugalah, habis, tadak arah hendak terang itu -

اللهم انت السلام ومنك السلام واءليك يعودا لسلام
فحيننا ربنا بالسلام

"Bab Salam" ini - habis tadak arah barangkali, orang Terengganu tak retikah yang terpaksa pinjam penceramah daripada Kuala Lumpur hendak terang

الله انت السلام ومنك السلام واءليك يعودا لسلام
فحيننا ربنا بالسلام

Habis duit rakyat, habis duit negeri kerana buat kerja macam ini, kalau kegiatan Dakwah. Yang banyak sekali pendakwa juga panggil daripada pendakwan lain daripada Kuala Lumpur, Pendakwah mari daripada Negeri Kelantan - "Tuan-tuan, Kelantan miskin sangat sekarang ini fasal yang memerintah tidak Barisan Nasional, tidak UMNO Baru". Jadi kalau dakwah macam ini habis duitlah kita dakwah, banyak macam mana pun memang habis duit saja, untuk orang hendak reti Islam tidak boleh. Zaman sekarang ini bilamana satu Rang Undang-Undang....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Apakah pemimpin PAS Terengganu bawa pemimpin PAS Kelantan ke Terengganu berceramah itu bermakna bahawa Terengganu dah miskin sekarang, tak ada benda dah?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... Kita tidak apa panggil ceramah, Kuala Lumpur, Kelantan, Kedah duit kita sendiri, kita belanja sendiri, ini minta duit orang, duit rakyat kita, kita pun bercakap kalau dia belanja duit dia tak apa, kita tidak bercakap dia panggillah hendak panggil luar negeri pun, tak apa. Fasal kawan saya itu memanglah dia terasa, sebab kereta dia TM 66 itu rajin teman penceramah-penceramah ini, itu dia ...(KETAWA)...

22 Ogos 1994

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat daripada Manir takut peristiwa 1986 berulang barangkali sebab itulah dia bimbang sangat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ...Saya tidak masalah, menang kalah tidak apa, kita berjuang bukan untuk mendapat kemenangan dan kekalahan, kita menyatakan kebenaran. Tak apa, panggil penceramah daripada luar tetapi saya kata janganlah ambil duit rakyat. Satu kali saya nampak Imam Masjid KUSZA di guna jugak untuk ceramah, jadi kasihanlah - yang itu dalam negeri tak apalah, pegawai dia, Imam Masjid KUSZA pun, memang UMNO ini dia memang tidak ada tenaga penceramah-penceramah halal ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah Kerajaan APU di Kelantan tidak pernah menggunakan Kadi-kadi, Imam-imam untuk kepentingan politik Kerajaan Negeri Kelantan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan ini kalau ajukan kepada Kerajaan Kelantan boleh tahan jugak, aju kat saya manalah saya tahu, saya tidak kena mengena dengan Kerajaan Kelantan. Jadi, yang seronoknya sekarang ini pulak dia panggil penceramah-penceramah bila ada satu Rang Undang-Undang diluluskan di Negeri Kelantan kalau hendak sebut hal Kelantan, cerita bab Undang-Undang Jenayah Islam bilangan II Negeri Kelantan 1993, mari jaja hak itu dia kata - "Kelantan hendak menjalan Undang-Undang Islam, tidak bijak, tidak hikmah, kita tidak boleh lagi (begitu begini) dan sebagainya". Jadi, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kerajaan mengguna duit macam ini kata untuk dakwah tapi untuk menyesatkan orang...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bandi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya merasakan memang tepatlah, sebab Kelantan merupakan sebuah Negeri model, model PAS, model Pembangkang. Kalau selama ini kita tidak ada sebuah negeri pun kita hendak tunjuk bagaimana model PAS buat yang selama ini di agong-agongkan oleh PAS, sekarang kita dah ada - hendak tengok model PAS, Kelantan, itu dia. Jadi apa yang di buat di Kelantan adalah menjadi daya tarik untuk orang lain memerhati, mengkaji, menganalisa dan seterusnya menerangkan kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kalau hendak jadi model, Alhamdulillahlah, maknanya kalau Kerajaan Terengganu kata kita ini hendak tiru Kelantan, kita

22 Ogos 1994

hendak jadi Kelantan sebagai "model" itu kita boleh pakatlah selepas daripada ini macam mana...

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Model, model jugak tetapi saya rasa kalau model setakat buat patung kohor tinggi saya rasa tidak ada makna. Sebagai contoh, saya ada gambar Dato' Yang di-Pertua (MENUNJUKKAN GAMBAR) - Patung tertinggi 120 kaki di Jubakar Darat, Tumpat, mula dibina Jun 1992 siap Julai 1994. Ini model yang kita orang pakai ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, itu serang saraf masa Pilihanraya Kampung Raja dia kata bina 1992, tarikh itu siapa dia pergi siasat, hendak buat 1994 boleh tapi kita kena siasat di sana, itu zaman Barisan memerintah dulu lagi buat itu. Ini Barisanlah yang punya cakap ini kerjanya, atas permintaan hak tadi sebenarnya ...

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, ini susah ini, hendak menegakkan benang yang basah. Jadi saya mintalah kepada seluruh Wartawan dan juga Pegawai Kerajaan Negeri Terengganu pergi tengok sendiri, tengah buat sangat lagi ini, tidak berapa hendak siap lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, hak tengah buat satu cerita lain, dulu itu bila? Kita ambil hak hujah tadi Yang Berhormat Telemong tadi dia kata "buat memang buat sekarang, tapi pelan itu hak bila? Kita pergi tengok dulu...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat, saya dah sebut tadi tarikh dibuat dan tarikh siap. Semasa Kerajaan PAS, Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Manir ini ibarat kata "Kuman di seberang laut nampak, gajah di hadapan mata sekong pun tidak nampak"...(BERTEPUK)...

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, tadi kita dah cakap, itu dakyah kempen Pilihanraya Kampung Raja, tarikh dia boleh buat, kita pergi tengok tarikh sebenar lepas pada ini atau kita hendak tangguh Dewan, kita pergi melawak Kelantan, kita tengok bila tarikh sebenarnya, kita minta taklimat. Kalau Dato' Yang di-Pertua setuju kita tangguh Dewan kita pergi melawat sekarang. Macam kita buat dulu, kita tangguh Dewan tengok Video, tengok Filem, mari kita pergi sana, cakap kosong boleh belaka ...

22 Ogos 1994

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Sebenarnya apa yang ditunjukkan gambar oleh Yang Berhormat Wakil Kijal itu adalah kenyataan yang jelas, sapa-sapa dia pun boleh pergi tengok dan kita sendiri boleh jugak hendak pergi tengok. Sila, Yang Berhormat Manir kalau hendak pergi tengok mari kita pakat pergi tengok, tapi kalau betul begitu aci apa?... (KETAWA)... Hah, aci apa agaknya?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sekarang saya dah kata dah, kita tangguh Dewan kita pergi ke sana. Kita pergi tengok, cek tarikh itu. Gambar, saya pun nampak, moga saya ada mata jugak dan mata saya masih baik, gambar boleh buat tapi saya kata tarikh itu bila? Itu kita kena cakaplah, itu dakyah politik kita boleh buat belaka, hendak buat tarikh esok boleh...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Selain daripada itu, hak pajak-pajak gadai haram itu banyak bertambah di Kelantan itu bila? Bukan baru-baru itu selepas PAS memerintah.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ... Ya, Studio 305 lah itu duduk sebar. Saudara itu Studio 305 duduk sebar itu, dia tidak rajin pergi, saya tahulah, dia tidak tinggal kawasan dia, tidak pergi ke Kelantan dia takut serangan, dia tidak tinggal, tidak semacam saya selalu tinggal. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, jadi, ini kegiatan-kegiatan dakwah. Saya sebutkan tadi kalau hendak buat dakyah, hendak serang kita, kita tidak takut, kita tidak bimbang, tetapi kita bercakap ini fasal duit ini duit rakyat, duit orang ramai tapi kegunaan untuk kepentingan golongan yang tertentu sahaja. Kalau tidak ambil duit rakyat, duit UMNO, dia hendak belanja banyak mana, biar pun hak dia boleh daripada caruman balakkah, JKKK berikah, ambil-ambillah mana-mana, tetapi jangan guna duit rakyat. Minta RM500 ribu kerana hendak dakyah, hendak menyesatkan orang - Hudud tidak boleh laksanakan, Hudud ini tidak lengkaplah, tidak sempurna, apalah dan sebagainya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang seperti inilah yang memang kita memperingatkan. Kalau hendak buat tambahan macam tadi, Wakil daripada Batu Rakit hendak RM350 kalau dia kata banyak lagi bagus, tapi saya tidak sokong ini fasal sikit sangat itu. Ini untuk kepentingan rakyat, untuk petani, untuk peladang tapi bakpa minta RM350 ribu, macam mana perjalanan tidak pesat sangat, peruntukan asal berjuta-juta banyak tapi kenapa, mula buat RM50 ribu, RM350 ribu, kenapa tidak begitu pesat? Kemudian, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kursus-kursus dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan, kursus yang dibuat saya

22 Ogos 1994

tidak tahulah, Hari Jumaat, tiap-tiap hari Jumaat ada nampak kenderaan Pejabat Daerah di tepi-tepi Balai Raya, himpun orang, apa benda kursus tidak tahu, kursus-kursus tengok - "Hah, Kelantan mundur, Kelantan miskin, Kelantan tidak kena buat Hukum Hudud" - apa benda kursus ini ambil duit rakyat, tak malu sungguh muka ...(KETAWA)... berat sungguh, malulah sedikit, buat kursus standard sikitlah, biar ada erti, malu ke budak-budak. Jadi, saya kalau bercakap banyak kata banyak lagi, sebab saya pun tengok kawan saya dia suka, jadi apabila dia suka itu saya tahulah dia kata -"Dah hendak buat guana, itulah daya yang ada kepada kami, kami buat itu saja". Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Bismillahir rahmaanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pemerhati-pemerhati. Sekali lagi saya berdiri di sini untuk memberi sumbangan fikiran di atas permohonan bagi mengeluarkan duit khazanah negeri, duit rakyat untuk dikatakan kepentingan-kepentingan perkhidmatan dan pentadbiran.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, secara kebetulan Dewan yang singkat ini juga didedahkan dengan beberapa laporan, Laporan Audit mengenai kewangan negeri, laporan Audit mengenai Majlis-majlis Daerah dan Badan-Badan Berkanun Negeri. Jadi dapatlah ketua-ketua jabatan membuat ukuran dan perbandingan di antara jabatan-jabatan mereka apakah kekurangan-kekurangan dan apakah kelemahan-kelemahan yang berlaku sama ada satu jabatan sahaja yang menghadapi kesulitan-kesulitan "constrain" perjawatan, "constrain" tenaga kerja atau pun kewangan tetapi yang jelas dan nyatanya pada keseluruhannya, pada keseluruhannya ialah kekurangan-kekurangan prestasi, kecekapan yang menyebabkan kewangan di jabatan-jabatan dan majlis-majlis mengalami beberapa kesulitan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya buat "landing" terus, iaitulah permohonan bagi mendapatkan tambahan RM100 ribu kepada Dewan Undangan Negeri. Saya sendiri tidak tahu berapa buah kenderaan yang ada yang disenggarakan oleh Dewan Undangan Negeri. Dalam pengetahuan sayanya sebuah kereta yang di pakai oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, pergi ceramah UMNO pun kereta itu, rasmi pun kereta itu. Jadi penyenggaraan dan perkhidmatan kecilnya yang diperlukan ialah tambahan peruntukan dikehendaki untuk menyelesaikan bil-bil pembaikan dan penyenggaraan kereta rasmi Kerajaan yang di luar jangka. Dewan minta RM60 ribu dianggarkan tapi Pentadbiran Negeri bermurah hati mencadangkan RM100 dan akan diluluskan RM100 ribulah. Jadi di mana kebijaksanaannya, di mana akauntabilitinya kepada sokongan teknikal daripada Jabatan yang Dewan mencadangkan supaya di tambah RM100 ribu, RM40 ribu melebihi permohonan dan berapa buah kereta

yang hendak dibaiki dan di senggaraikan sedangkan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebuah kereta Mercedes setaraf dengan yang digunakan oleh Yang Berhormat Mulia hanyalah berharga RM30 ribu sahaja, kita boleh "dispose" boleh "condemn" kereta ini kita beli yang baru tak menyenggaraikan selama lima tahun, kenapa tak buat macam ini? Saya ragu permohonan yang tidak di perincikan ini ada tujuan yang terselindung, yang tersirat di belakangnya.

Baru-baru ini Terengganu menganjurkan sebagai tuan rumah Taekwan-Do banyak jabatan-jabatan yang dicuri peruntukannya untuk di salorkan kepada peruntukan dan kehendak Taekwan-Do. Dato' Yang di-Pertua, kita diamanahkan untuk mengendalikan, menjagakan kewangan negeri. Di sini kita lihat permohonan untuk membeli empat buah kereta Mercedes dibawah Kepala 34000 ...

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang di-Pertua jugak hendak pakai barangkali, dak?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):... Hanyalah RM30 ribu sebuah. Ya, Dato' Yang di-Pertua?

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang di-Pertua jugak hendak pakai itu? Beli empat buah itu?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):... Bukan, saya kata - lebih baik kita beli hak baru dan saya percaya Dato' Yang di-Pertua dah dapat yang baru, semua ExCo-ExCo pun dapat yang baru dah. Daripada kita menyenggara baiki yang buruk dengan RM100 ribu lebih baik kita beli yang baru. Oleh yang demikian tanpa kita menunjukkan perincian perbelanjaan, penyelewengan pengendalian peruntukan ini diragui. Dan ini bersesuaian dengan apa yang di neracakan, apa yang dilaporkan oleh Laporan Audit Negara. "Beberapa baucer yang tidak dapat di kesan kesahéhannya sedangkan di zaman kecanggihian pentadbiran, penggunaan komputer hanya butang-butang komputer mencukupi untuk mengesannya tetapi perbelanjaan ini disembunyikan kepada butang-butang komputer tadi yang boleh dikendalikan oleh operator komputer. Maka kita lihatlah kepada Laporan Ketua Audit Negara, saya akan pergikan kepadanya dengan izin - Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, tambahan peruntukan RM2 juta, bertujuan melaksanakan dan menyelaras program-program kebersihan dan keindahan seluruh Negeri Terengganu dibawah jabatan mana kebersihan ini diambil alih tidak berfungsi lagikah Majlis-Majlis Tempatan, Majlis-Majlis Daerah, MPKT, di dalam mengendalikan dan mengawasi supaya bandar kita ini bersih dan peruntukan yang begitu banyak yang diberikan kepada Majlis-Majlis Daerah, MPKT khususnya yang mengekalkan bandar Kuala

22 Ogos 1994

Terengganu ini sebagai sebuah bandar yang terkotor di dunia ini. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua. Tak perlu ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Itu mengikut standard PAS lah! Terima kasih...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):... Ya, mengikut standard PAS kotor, mengikut standard Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu pun kotor, cuma mengikut standard Ladang sahaja bersih. Saya dukacita, tikus-tikus besar daripada kucing menunjukkan kebersihan bandar Kuala Terengganu. Tambahan, Dato' Yang di-Pertua, adakah Pejabat SUK mahu mengambil alih tugas pengawasan dan pengendalian kebersihan bandar-bandar yang telah pun kita tugaskan dan amanahkan kepada Yang di-Pertua-Yang di-Pertua MPKT dan Majlis-majlis Daerah. Ketandusankah fikiran mereka untuk menyelesaikan masalah ini, dan apakah sebenarnya peruntukan RM2 juta ini diperlukan, kenapa tidak di itemizekan, hendak beli Incinerator barukah? Hendak beli pembakar sampah yang barukah? Hendak beli Lori Bandaran dah ada di sini, tetapi kenapa kita mesti ambil alih tugas ini yang telah pun di amanahkan kepada badan-badan yang tertentu tadi. Saya curiga bahawa peruntukan yang di minta secara umum ini bukanlah menepati perincian perbelanjaan yang di kehendaki sebenarnya tetapi ialah "switching of votes" untuk "cover-up" dan kita lihat perkara yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara, dengan izin, saya akan sentuh selepas ini sebagai perbandingan Yang Berhormat Mulia.

Peruntukan 3234000: 5 buah lori terbuka dan sebagainya. Kita juga lihat dalam Laporan Ketua Audit Dato' Yang di-Pertua, rekod harta tetap Majlis-Majlis Tempatan, MPKT, Jabatan-jabatan Kerajaan, tak dapat di kemaskinikan. Adakah kerana harta terlalu banyak atau pun pentadbiran terlalu lemah atau pun kawalan Ketua yang tidak tahu mentadbir. Kalaulah itu menggambarkan kedudukan, Dewan ini sepatutnyalah mencadangkan supaya Yang di-Pertua-Yang di-Pertua MPKT, Majlis-Majlis Daerah dikembalikan kepada Pegawai Tadbir yang tahu dan mengerti untuk mentadbir daripada orang-orang politik, Dato' Yang di-Pertua.

RM2 juta daripada RM4.5 juta peruntukan anggaran di perlukan di bawah 42000 Pentadbiran Am. Tambahan ini di kehendaki kerana Kerajaan Negeri banyak menerima permohonan-permohonan untuk pembinaan Masjid dan Surau dari dalam atau luar negeri di samping itu banyak agensi-agensi kerajaan yang mengadakan kursus yang telah pun di jelaskan oleh Yang Berhormat Manir tadi dan saya baca sekaligus dengan satu lagi peruntukan Yang Berhormat Mulia iaitulah 29000 yang diperlukan sebanyak RM500 ribu, Pentadbiran Am juga. Tambahan ini di kehendaki adalah untuk menyelesaikan pembayaran keatas

22 Ogos 1994

tanggungan-tanggungan yang telah di lakukan dan tanggungan tidak dapat di elakkan, yang belum selesai serta tanggungan yang diperlukan di masa hadapan. Disamping itu tambahan peruntukan ini juga adalah bertujuan untuk menyelesaikan pendahuluan-pendahuluan diri yang di dikeluarkan untuk maksud tersebut.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sama ada kita mahu setuju terima atau pun tidak, vote baru, vote pendahuluan diri diserang hebat oleh Laporan Audit kerana duit yang diberi secara tongkolan "lumsun" disalahgunakan dalam banyak "occasion". Saya terdengar berita yang saheh yang boleh diterima, baru-baru ini ada lawatan di Raja ke LA tetapi pegawai-pegawai yang mengikutnya telah menggunakan akaun DYMM untuk kepentingan diri tetapi oleh kerana ada pendahuluan diri ini ianya dapat di lindungi. Saya harap satu penyiasatan hendaklah di lakukan dengan secara terperinci.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, adalah prinsip dan falsafah pentadbiran "ASV" Permohonan Belanjawan Tambahan hanyalah di khas kan dan di peruntukkan kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang tak dapat di gambarkan, yang tak dapat di wawasakan semasa belanjawan di sediakan, "is unforeseen expenditure" tetapi bukannya suatu peruntukan baru, peruntukan yang terpaksa di ada-adakan apatah lagi peruntukan yang samar-samar yang belum tahu hendak di belanjakan. ASV tidak pernah dan tidak mungkin untuk perbelanjaan akan datang kerana ianya adalah akan dimasukkan dalam anggaran tahun hadapan. Oleh yang demikian, ini adalah suatu penyelewengan pentadbiran kewangan yang sepatutnya Kerajaan Negeri mengambil waspada, mengambil panduan daripada Laporan Audit yang jelas dan nyata Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua.

Saya ingin merujuk sebagai panduan kita kepada Laporan Audit bagi menyokong hujjah yang saya katakan. Dalam paragraph 18 - "Sungguhpun Kumpulanwang ini telah ditambah sebanyak RM1 juta iaitulah Kumpulanwang Pendahuluan Diri, dalam tahun 1992, menjadikan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM4.88 juta, ia telah lebih dikeluarkan sebanyak RM5.85 juta." Peruntukan RM4.8 ditambah lagi sebanyak RM5.85 juta tambahan, adakah perancangan kewangan bodoh tidak mengerti accounting atau pun pegawai yang mengendalikan tidak mempunyai akauntabiliti? Dan di perjelaskan, Dato' Yang di-Pertua - "Peraturan Kewangan tidak membenarkan Kumpulanwang ini lebih di dikeluarkan. Saya tidak dapat mengesahkan baki ini kerana senarai baki perseorangan untuk menyokong baki boleh di tuntutan berbeza sebanyak RM108,106 dengan Penyata Kewangan. Analisis selanjutnya mendapati sebanyak RM9.13 juta atau 85.98% daripada bagi mengikut senarai perseorangan yang dikemukakan adalah bagi tahun 1975 hingga 1991 yang belum dijelaskan.

22 Ogos 1994

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bercakap mengenai akauntabiliti, tanggungjawab amanah di dalam mengendalikan dan menguruskan kewangan negeri yang mana ExCo adalah badan yang terkhusus yang diamanahkan, cubalah kita lihat peruntukan ini. Sebagai contoh Laporan Kewangan MPKT yang paling terkebelakang sekali, bukan saya bermaksud buruk terhadap kawan saya Yang Berhormat Ladang, hakikat menunjukkannya mereka-mereka yang baru diamanahkan dengan Majlis-majlis Daerah walau pun tidak mempunyai pengalaman sebagaimana di MPKT dapat mengemukakan paling kurang walau pun tidak terkini, membaiki daripada masa kesemasa, prestasi kewangan dan dapat mengemukakan laporan kepada Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua tetepi MPKT mengemukakan pada hari ini penyata 1985, dua penggal pilihanraya terdahulu, dikemukakan pada tahun 1993 - tidak sempurna, kata Juru Audit. April 1994 barulah lengkap, bermakna 9 tahun selepas berlakunya sesuatu perkara sama ada penyelewengan kesalahan yang tak dapat di baiki bagaimana kita mahu membetulkan keadaan-keadaan kewangan, keadaan perbelanjaan, kawalan ke atas kewangan, vote-vote yang tertentu "impossible" tidak mungkin, dan mengikut kaedah perundangan, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, jika sekiranya berlaku penyelewengan, berlaku Pegawai serong, pentadbir tidak betul, duit di pindahkan tanpa keizinan, "statute of limitation" Akta penghadan masa" untuk mendakwa mereka-mereka yang bertanggungjawab hanyalah enam tahun sahaja. Terpaksalah kewangan yang di boroskan atau pun yang dikeluarkan tanpa keizinan dan kelulusan ini di mansuhkan, dimatikan, dibatalkan. Dapatlah kita buat hapuskira, hapuskira, hapuskira, tanpa pembaikan, tanpa pembetulan. Adakah ini suatu prestasi pentadbiran yang baik, adakah ini arah kita memajukan kita kepada wawasan 2020 yang di dakwa oleh UMNO atau pun pentadbiran. Nampaknya Dato' Yang di-Pertua, pentadbiran Negeri Terengganu menurun ke belakang, mungkin kerana driver kereta dah letih, terlalu lama, tidak dapat hendak memikirkan apa-apa yang berlaku di belakang tetapi ianya sungguh mengecewakan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua. Saya memberi contoh, Dato' Yang di Pertua, dengan izin Dato' Yang di-Pertua, mintak maaf sekejap - Saya bukan berbohong dengan Dewan, Para 2 Seksyen 54(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki supaya kira-kira Majlis bagi sesuatu tahun kewangan di imbang dan penyata akaun di sediakan secepat mungkin. Penyata-penyata kewangan Majlis bagi tahun 1995 telah di terima ...

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENIERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua penjelasan - ini mengikut Peratoran 46(7) kita mesti tumpukan kepada apa yang dibentang untuk di bahas. Apa untuk di rojokkan bolehlah tetapi secara detail bukan kita bincang soal Majlis Perbandaran dan sebagainya. Untuk penjelasan.

22 Ogos 1994

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):...
Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, saya hanyalah memberi contoh dan saya telah berkata "dengan izin", kalau Yang di-Pertua kata "jangan" saya pun tidak mungkin, kerana kawalannya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Bagi tahun 85 diterima pada 11 Jun 1991 dalam bentuk yang tidak sempurna....

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, cuba rujuk kepada para saja cukuplah, masing-masing semua ada.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):...
Terima kasih, saya takut ada orang yang malas baca Dato', jadi saya pun kena baca semula. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dan satu lagi contoh, dengan izin, Dato' Yang di-Pertua, paragraph 19 Laporan Ketua Audit Negara berkenaan dengan Tabung Amanah Warisan Kerajaan Terengganu yang meletakkan kerugian tidak semena-mena di adakan hampir ½ juta, saya tak baca, saya hanyalah memberi kewaspadaan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, di dalam kita mengendalikan kewangan negeri, didalam kita mengamati keputusan-keputusan Dewan di dalam belanjawan tentulah "the Controlling Officer" Pegawai Pengelola Kepala-kepala Belanjawan mempunyai bukannya untuk di belanjakan. Dari segi teory pegawai terlalu kedekut dan bakhil untuk keluar daripada peruntukan yang sedia ada tetapi dari segi amalannya arahan dari atas yang turun menjunang menghilangkan kuasa pegawai dan melemahkan seluruh tenaga walau pun tidak sesuai dengan peruntukan ini. Saya minta Kerajaan menjawab secara ikhlas dan bertanggungjawab kepada Allah Subhanahuwataala berapakah jabatan-jabatan yang dikenakan curipindah peruntukan atau pun vote mereka masing-masing kerana membiayai dan sempurna kejohanan Taekwan-Do Sedunia baru-baru ini. Saya memberi contoh, JKR, Majlis Perbandaran, saya beri contoh ...

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Tuduhan yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok itu adalah salah sama sekali. Tidak ada peristiwa mencuri peruntukan daripada mana-mana jabatan sekali pun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ...
Mungkin Dato' Yang di-Pertua, saya pun dah geram, saya guna perkataan "curi" tetapi ialah menyalahgunakan perpindahan "vote"...

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Penjelasan, Yang di-Pertua - ...

22 Ogos 1994

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ...
Dia tidak tahu pentadbiran Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): ... Saya tahu
jugak hal pentadbiran Dato' Yang di-Pertua. Dia tukang "loyar burok" Yang
di-Pertua, dia Lawyer, baru-baru ini dia berceramah, Foram Hudud di hadapan
orang jual Ice-Cream, dihadapan orang jual Kacang Putih, buat keluar Quran,
Hadis - Firman ini, riwayat ini, ini, tiga empat ayat keluar, Hudud,
selepas itu memaki orang UMNO, mengumpat orang UMNO....

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila buat penjelasan, Yang
Berhormat!

YANG BERHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Sebenarnya
Dato' Yang di-Pertua, yang menaja Kejohanan Taekwan-Do ialah Kerajaan
Negeri Terengganu, Kementerian Pelancongan dan anak Syarikat Data-Pret
sebuah Syarikat Public Listed Company Kuala Lumpur. Belanja daripada
Kerajaan Negeri Terengganu sahaja hanyalah RM250 ribu sahaja yang
lain-lainnya datang daripada sumbangan-sumbangan daripada syarikat-syarikat
sewasta. Jadi, tidak ada curi, minta, paksa, tidak ada. Sekarang dasar
Kerajaan Malaysia, dasar Persyarikatan Malaysia dalam bidang ekonomi dalam
bidang sukan. Banyak syarikat-syarikat swasta yang menganjurkan beri
bantuan dalam kegiatan-kegiatan sukan dalam negara kita yang belanja sampai
juta-juta ringgit. Begitu juga dengan Kejohanan Taekwan-Do satu kejohanan
yang besar yang melibatkan 80 buah negara yang melibatkan seribu lebih
peserta yang meletakkan image Negeri Terengganu, image negara kita dalam
perhubungan antara bangsa dari segi pelancongan dan juga perindustrian.
Biar reti sedikit ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):
Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Soalan Taykwan-Do saya tidakdan hendak
tanya tadi. Berapa Kerajaan habis perbelanjaan peruntukan untuk menjayakan
kejohanan baru ini cuba khabar.

YANG BERHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Saya kabar dah
sanikan, saya kabar dah berapa belanjakan. Yang hendak bincang ini hak
soalan penjelasan hak Batu Burok.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):...
Habis dah, kalau tak reti, kalau tak tahu, tak ada angka jangan membodohkan
diri. Awak tahu Hudud kah? ...

YANG BERHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Saya tahu apa
yang berlaku, awak yang bodoh...

22 Ogos 1994

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Bert hormat, sila tarik balik perkataan "bodoh" belaka-laka.

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dua-dua sekali kena tarik Dato'.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Tarik belaka. Perkataan "Bodoh" itu tarik balik belaka.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ...
.....

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Saya tarik "bo" dia tarik "doh".

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
...(KETAWA)... maknanya semakan ExCo perlu di segerakan ...

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Bert hormat Dato' Yang di-Pertua, saya ada fakta Tuan Yang di-Pertua, tapi saya bukan hendak jawab soalan Taekwan-Do cuma penjelasan apa yang disebut oleh Wakil Batu Burok, saya bukan "loyar burok". Ini bukan soal personal, bukan soal peribadi, soal fact.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Bert hormat, sila duduk, teruskan ucapan dengan perkara lain.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ... Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi saya mahu, Dato' Yang di-Pertua, kalau hendak ganggu itu biarlah kena pada tempat dia dan tahu pada masanya. Yang Bert hormat Mulia Dato' Yang di-Pertua ...

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi, Yang Bert hormat, ini?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): .. Sedikit lagi, boleh ak? Boleh? -

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ... Yang Bert hormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dalam kita mengendalikan amanah meminta peruntukan ini kenapa dan apakah yang memberatkan Kerajaan supaya ahli-ahli Dewan yang bertanggungjawab ini tahu butir kita hendak ini untuk

apa? Belanja ini untuk apa? Am, Am, Am, semuanya Am, Umum, Umum, Umum, bila di umumkan begitu apa makna pun boleh dibelanjakan. Adakah ini kaedah cara untuk meminta di bawah ASV, di bawah Peruntukan Tambahan? Peruntukan Tambahan mestilah di perincikan satu persatu walau pun satu sen lebih-lebih lagi ianya mengikut falsafah pentadbiran kewangan, hanyalah bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang telah pun mempunyai peruntukannya tetapi tidak mencukupi mungkin perkiraan atau pun harga yang berbeza tetapi mestilah di sokong secara perinci fakta-fakta yang menyebabkan dan membolehkan pengeluaran duit tetapi bukanlah merupakan satu permintaan belanjawan baru untuk masa depan, berapa? Belum tahu lagi, ini adalah suatu konsep yang sungguh-sungguh tidak bertanggungjawab Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua. Jadi saya haraplah walau pun saya tahu permohonan ini akan diluluskan juga saya memohon semoga pembawa Usul ini benar-benar ikhlas, jujur sepertimana yang pernah di ucapkan dan bahawa permohonan ini tidak akan diselewengkan kerana jelas daripada apa yang dibentang ini tak ada siapa yang boleh mengatakan bahawa permohonan ini benar-benar di perlukan mengikut konsep dan falsafah permohonan Belanjawan Tambahan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Tak ada lain yang hendak bercakap? Saya jemput pihak Kerajaan membuat jawapan.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pertama saya terima kasih kepada ahli bagi kawasan Manir dan Batu Burok yang telah mengambil bahagian membincang dan membangkit beberapa isu yang perlu saya jelaskan satu persatu.

Pertama sekali dia mengkritik mengenai peruntukan yang begitu besar bagi Dewan Undangan Negeri bagi penyelenggaraan kereta. Sebenarnya kereta bukan sahaja kereta Yang di-Pertua tetapi termasuk juga kereta-kereta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan sebab itulah akhir-akhir ini kita telah pun membuat keputusan daripada kita membelanja banyak untuk membaiki baiklah kita beli baru sebab itu satu peruntukan telah di minta untuk membeli kereta baru dan kita lelong kereta-kereta lama yang buruk itu.

Soal kedua, soal Jawatankuasa Kebersihan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan bercadang untuk menanam budaya bersih di kalangan rakyat keseluruhannya jadi penubuhan ini bukan bererti kita tidak percaya kepada Majlis Perbandaran atau pun Majlis-majlis Daerah. Ada pun kawalan bagi Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah adalah bagi kawasan-kawasan tertentu saja tidak meliputi mukim-mukim dan seluruhnya di kampung-kampung maka sebab itu perlu diwujudkan Jawatankuasa ini bagi merangkumi bukan sahaja kawasan-kawasan Bandaran, Majlis Daerah yang kita dapat kerjasama rapat dan juga memberi bantuan untuk memperlengkapkan lagi Majlis-majlis ini dengan

22 Ogos 1994

peruntukan yang telah sedia ada juga kita bawakan juga ke Kampong-kampong dan mukim-mukim yang tidak terlibat dengan Majlis Perbandaran dan juga Majlis Daerah-daerah di seluruh Negeri Terengganu sebab itulah dalam pelancaran saya di semua daerah saya beritahu supaya kita mengendahkan dengan terpaksa kita belanjakan duit menanam pokok, menghijaukan semua kawasan dan sebagainya dan baru-baru ini daripada peruntukan ini telah pun kita agihkan kepada semua Majlis Daerah sebanyak RM200 ribu bagi tiap-tiap Majlis Daerah bagi membetulkan perkara-perkara yang di luar kemampuan untuk Majlis ini sendiri. Jadi dengan cara ini saya harap pihak pembangkang juga akan turut serta bekerjasama bagi menanamkan budaya bersih di seluruh rakyat di Negeri Terengganu.

Mengenai Wang Pendahuluan yang telah di sebut, Kerajaan telah pun menghadapi masalah perkara ini sebagaimana yang di laporkan oleh Juru Audit dan sebagai mematuhi nasihat pada masa akan datang dan sekarang ini kita tidak lagi beri pendahuluan tetapi kita telah memperuntukkan satu peruntukan yang khusus bagi perbelanjaan hotel dan sebagainya kepada semua yang terlibat dalam rombongan tersebut. Jadi masalah ini tidak akan timbul lagi pada masa-masa yang akan datang.

Soal Taekwan-Do walau pun Kerajaan terpaksa belanja lebih kurang RM250 ribu dan selain daripada itu dibelanjakan oleh syarikat-syarikat lain tetapi keuntungan yang kita dapat bagi memperkenalkan Negeri Terengganu ini amat besar dan kalau kita belanja RM10 juta pun saya ingat tidak dapat keuntungan sebagaimana yang telah kita lakukan ini dan insyaAllah "event" yang seumpama ini akan kita lakukan dari semasa kesemasa pada tahun-tahun yang akan datang bagi memperkenalkan Negeri Terengganu di seluruh dunia ini.

Menyentuh soal yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat daripada Manir dia marah fasal peruntukan untuk panggil pendakwah dari luar dan sebagainya menggunakan duit rakyat. Sama juga dengan PAS duit rakyat juga yang kutip pada tiap-tiap kali perjumpaan. Jadi cuma rakyatnya kecil, kita ini besar dan kita dengan tujuan baik. Jadi sebab itulah saya dapat tahu juga setengah ahli Yang Berhormat walau pun dapat elaun tetapi jarang menderma kalau minta, kalau duit sendiri susah tapi yang digunakan duit orang ramai juga yang di pungut dari semasa kesemasa.

Soal yang dibangkit oleh Yang Berhormat dia hairan kerana hari cuti ada van-van Pejabat Agama dan juga Majlis Daerah, ada Majlis Membaca Yaasin selepas itu di ikuti dengan minta doa supaya di beri pembangunan. Baik, baik daripada setengah-setengah yang di anjurkan oleh PAS, dia baca Al-Quran selepas itu maki, marah kepada Kerajaan, kata dan sebagainya. Saya ingat ini lebih baik apa yang di jalankan oleh UMNO daripada apa yang

22 Ogos 1994

di jalankan oleh PAS. Jadi sebab itulah saya berharap kepada Yang Berhormat akan dapat mengikuti contoh kita sebagaimana banyak dah

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Ini membenarkan apa yang saya kata tadi, sepatutnya Kerajaan belanjakah UMNO belanja? Jadi UMNO kerja ini, UMNO belanja duit rakyat, jadi janganlah minta duit di sini. Yang saya kata tadi betul, membaca Yaasin minta pembangunan. Betul, baca Yaasin minta Pembangunan, itu kerja UMNO tapi guna duit rakyat, duit Kerajaan. Kita minta derma sungguh, memang kita guna duit derma sungguh.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ... Kita UMNO belanja duit kita, kita tidak ambil duit Kerajaan. Tetapi yang belanja duit Kerajaan kerana hendak mengatasi masalah kekeliruan yang di timbulkan oleh PAS dalam ceramah-ceramah dia daripada dulu lagi saya ingat, tak cukup tenaga disini kita minta daripada luar dan kita patut gunakan ini semua sekali bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan rakyat kita dimana kita sedang pada masa ini menyebarkan dakwah ini seluruh negeri seberapa yang boleh dan kalau boleh PAS memainkan peranan samalah untuk kita ke arah ini tapi banyak yang memeningkan rakyat ...

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Kita boleh main peranan sama, kena bagilah maknanya, penceramah. Kita boleh ceramah free saja tidak payah beri tambang, tak payah beri derma, kita pergi ceramah sekali. Dulu saya cadang dah kepada Yang Amat Berhormat, kalau hendak selesai masalah ini keliru, buat Majlis sekali, Yang Amat Berhormat ceramah, saya ka ceramah di sebelah balik ini. Kita ceramah, terang satu tajuk, satu topik kita terang kepada rakyat. Dulu kata hendak buat tapi sampai sekerat jalan tak berapa berani pulak.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ... Tuan Yang di-Pertua, kita pernah buat, dulu minta bincang dengan Pejabat Ugama apa masalah dan boleh di bincang bersama. Jadi perjumpaan itu baiklah, tapi malam pergi ceramah ceritanya lain pulak. Menceritakan kita telah bincang di Pejabat Ugama nampak tak boleh jawab belaka apa masalah kita dan sebagainya. Jadi pelak, lain berlaku lain di cerita. Jadi ini yang kita tidak mahu. Kalau boleh baik seaimana yang telah kita anjur, Yang Berhormat juga buat anjuran dan kita terima cadangan supaya ada Jawatankuasa Muhibbah ini yang kita boleh pergi bersama bercakap molek-molek, lebih baik maknanya untuk ...

22 Ogos 1994

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan - Ini pengakuan ke perjanjian ini, kita atur Majlis boleh mari? Kita atur Majlis boleh mari?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ... Tuan Yang di-Pertua, boleh, bincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Muhibbah yang di Pengerusi oleh Yang di-Pertua, apa keputusan buatlah, kita tidak ada halangan dalam soal ini.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ah, Pindah pulak, buat lambat saja, kita buat cepat sikit, kita sewa Dewan-dewan banyak itu, kita buatlah boleh?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tak usah banyak cerewetlah kalau hendak.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana itu merupakan saranan daripada Ketua Kerajaan, dan saya haraplah Speaker terima satu usul pada hari ini, Usul Tergemparnya -

Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Ummah akan mengadakan Jadual Tetap tahunan untuk ceramah bersama antara Parti Kerajaan dan Parti Pembangkang mengikut apa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perpaduan Ummah.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, tak payah Usul-usul lagi sebab kita sudah ada Jawatankuasa di lantik oleh Dewan, ini boleh bincang cara mana yang lebih baik, sebab itulah satu perkara yang mustahil Pembangkang dengan pihak Kerajaan hendak bercakap satu forum....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Oleh kerana Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Ummah itu Yang BERTHORMAT MULIA Speaker dan dia tidak ada mesyuarat jadi saya terpaksa mengemukakan kepada Dewan semula usul tadi. Kerana kita hendak atur mesyuarat pun tidak dapat, baru ini kita buat "Rules of mesyuarat" pun sekali mesyuarat setahun, hendak mesyuarat lebih pun tidak ada jadi saya lapor kepada Dewan ini kalaulah boleh dijadikan Usul Dewan dan kita semua tahu kita mahu perpaduan.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang BERTHORMAT, sila duduk, saya hendak terangkan. Saya menjadi Pengerusi berkenaan Jawatankuasa ini

22 Ogos 1994

saya tahu, setiap kali saya hendak panggil mesyuarat, saya kena tanya orang hendak mari mesyuarat bolehkah tidak coma jawabnya ada program belaka. Jadi saya tidak hendak ganggulah, masing-masing mustahak. Orang ini kata mustahak disini, mustahak disini, kalau saya panggil saya seorang mari hendak mesyuarat apa? ...(KETAWA)... Jadi janganlah alih dosa kepada saya. Nanti saya akan panggil mesyuarat ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Manir):
Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Saya tidak pernah berniat burok, tapi saya kata kalaulah orang ini duduk ada mesyuarat, kita mari, saya rasa tidak pernah kita tidak mari bila ada panggilan dan tiba-tiba dapat notis "tidak nampak anak bulan", notis dah ada....

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Baru-baru ini saya hendak panggil tetapi saya dapati semua Yang Berhormat tidak ada dalam negeri, semua orang tidak ada dalam - saya akan panggil, insyaAllah dan saya harap ahli-ahli Yang Berhormat yang yang menjadi ahli kepada Jawatankuasa ini jangan buat dalihlah, mari pada mesyuarat, insyaAllah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah tanya Yang di-Pertua fasal apa tidak mesyuarat, dia beritahu begitu juga kepada saya. Ahli Pembangkang selalunya tidak ada, jadi sebab itu, ini dia beri pengakuan sendiri, tadi saya ingat dia tidak jawab, saya hendak jawab dia jawab sudahlah, betul sungguhlah...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Hak yang telah mesyuarat ada belaka, tapi hak hendak mesyuarat ke depan ini, dalam sibuk-sibuk barangkali beberapa bulan yang dahulu ini memang masing-masing sibuk.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan, Yang di-Pertua, kita tidak payah - bila datang surat notis mesyuarat kita tidak pernah minta tangguh, habis tiba-tiba datang, mari kepada kita "mesyuarat itu di tundakan". Bukan kesilapan kami, Yang Amat Berhormat kena tahulah, kena bercakap selalu dengan Speaker, jang kata Pembangkang tidak boleh mari.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Saya dapat tahu bahawa Yang Berhormat tidak ada ditempat, ada sebabnya, Yang Berhormat sendiri boleh jawablah. Tak perlu beritahu kepada orang lain. Jadi, perkara ini Jawatankuasa itu memang hendak ada mesyuarat dan kita akan panggil mesyuarat dari masa ke masa, insyaAllah. Saya rasa tidak usah kita panjang dalam Dewan ini.

22 Ogos 1994

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SERI MENTERI BESAR: ... Tuan Yang di-Pertua, dah Tuan Yang di-Pertua beri pengakuan, insyaAllah semua pihak akan bekerjasama rapat, apa yang kita mahu ialah perpaduan dan keharmonian dalam negeri kita Terengganu Darul Iman ini. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja sedikit sebanyak yang dapat saya sampaikan bagi penjelasan atas perkara yang dibangkit oleh dua orang ahli Yang Berhormat. Terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini di baca bagi kali yang kedua kemudian di hadapkan kepada mesyuarat dan di persetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1994) (NO.1) 1994 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1994) (NO.1) 1994 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUDA BIN ABDULLAH (Wakil Jerangau): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian di hadapkan kepada mesyuarat dan di persetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1994) (NO.1) 1994 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 2 Tahun 1994.

22 Ogos 1994

Enakmen Lalulintas Sungai (Pindaan)
1994

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Lalulintas Sungai 1988 dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN LALULINTAS SUNGAI (PINDAAN) 1994 DI BACA KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Lalulintas Sungai (Pindaan) 1994 di baca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Lalulintas Sungai 1988.

1. Fasal 1 memperuntukkan mengenai Tajuk Ringkas.
2. Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Enakmen dengan memasukkan satu rakkirf baru mengenai "pegawai berkuasa" dan dengan mentafsir semula perkataan "sungai".
3. Fasal 3 bertujuan memasukkan seksyen baru 3A untuk membolehkan Pegawai Pelesenan melantik pegawai berkuasa. Di-bawah seksyen baru itu pegawai berkuasa hendaklah mempunyai dan menjalankan segala kuasa yang diberi kepada Pegawai Pelesenan di bawah Enakmen.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan.

Sekian, terima kasih.

22 Ogos 1994

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan -

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya hanyalah untuk mendapat penjelasan ExCo yang mengemukakan. "Pegawai Berkuasa" ini apakah erti "Pegawai Berkuasa" enforcementkah atau pun authority?

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Tuan Yang di-Pertua, "enforcement" berkuasa, authority, Pegawai berkuasa, pegawai yang mempunyai authority.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): "Enforcement" dengan "Authority" itu lain, "Authority" itu badan, "enforcement" ini Pegawai-pegawai Enforcement, bukannya "Enforcement Authority".

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Pegawai-pegawai yang berauthority, pegawai-pegawai yang berkuasa. Terima kasih.

Cadangan ini di hadapkan kepada Mesyuarat dan di persetujukan dibaca bagi kali yang kedua dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN LALULINTAS SUNGAI (PINDAAN) 1994 DI BACA KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN LALULINTAS SUNGAI (PINDAAN) 1994 TELAH DI TIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

22 Ogos 1994

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Bukit Bandi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian di hadapan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN LALULINTAS SUNGAI (PINDAAN) 1994 DI BACA KALI YANG KETIGA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 3 Tahun 1994.

22 Ogos 1994

Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang
Melayu (Pindaan) 1994

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Undang-Undang Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360 dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasek): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1994
DI BACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 1994 di baca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Undang-Undang Tanah Simpan Orang-orang Melayu 1360 supaya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menjadi badan yang kepadanya tanah orang Melayu boleh dipindahmilik.

Sekian saya kemukakan Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasek): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Rang Enakmen ini telah mendapat sekongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan -

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, bila saya melihat Rang Enakmen ini dikemukakan saya merasa ragu kenapa taukeh tanah Malaysia belum mempunyai hak untuk memegang tanah milik Melayu. Selama ini adakah Jabatan khas di bawah KPTG yang membuat proses pengambilan balik bagi pihak PTD Pentadbir Tanah-tanah Daeah. Jangan-jangan Pentadbir Tanah

22 Ogos 1994

Daerah pun tidak mempunyai hak untuk memegang tanah milikan Melayu. Saya harap semakan perinci Undang-Undang di lakukan dengan segera.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, KPTG atau pun Pesuruhjaya Tanah Persekutuan merupakan jabatan Kerajaan yang sememangnya ditugaskan untuk mentadbir dan mengendali serta mengawasi tanah di Malaysia ini dan banyak lagi jabatan-jabatan lain. Kalaulah pindaan ini di pertimbangkan dan diberi kuasa kepada semua jabatan-jabatan Kerajaan tidaklah perlu kita meminda satu pindaan satu jabatan sedangkan jabatan-jabatan itu adalah jabatan Kerajaan kerana pada hari ini semua jabatan-jabatan Kerajaan mahu memiliki hartanah untuk bangunan mereka, untuk aktiviti-aktiviti mereka dan antara tanah yang hendak di miliki itu selalunya di negeri-negeri di Pantai Timur ini khususnya di Terengganu akan melibatkan tanah-tanah milikan Melayu kerana kebanyakan tanah-tanah di Terengganu ini adalah milikan Melayu.

Jadi saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri membuat kajian supaya tidak perlu kita table ke Dewan setiap kali satu jabatan, besok mungkin Periklanan pula yang hendak milik tanah kita luluskan satu, tak ada kelulusan tak dapat bina pejabat, mungkin LPP pun mahu mendapatkan tak dapat juga, kena masuk pinda Undang-Undang dan sebagainya kerana ini akan melambatkan, mengganggu proses pembangunan jabatan-jabatan Kerajaan. Dengan yang demikian, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya menggesa dan mencadangkan supaya Pentadbiran Terengganu khususnya untuk mengatasi "constrain" kemajuan jabatan-jabatan, mengkaji dan secara menyeluruh dan memberi kelulusan kepada jabatan-jabatan yang sekarang ini mahu memajukan Negeri Terengganu ini.

Yang ke-2 Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, lanjutan daripada itu kita juga tahu bahawa di Terengganu ini kebanyakan tanah-tanah merupakan tanah pegangan Melayu, selain daripada tanah bandar, tanah pegangan GM Geran Mukim di bawah 10 ekar di categorykan sebagai "Malay Reservation" Tanah Rezab Melayu dan dalam apa jua proses kemajuan yang hendak dijalankan kita akan bersua dan bertemu dengan tanah-tanah milikan Melayu dan sekarang ini Padang Golf pun yang telah di ambil tanah Rezab Melayu, Padang Permainan pun begitu, Tapak Sekolah pun begitu. Bila masa Kerajaan mewartakan untuk mengadakan gantian kepada tanah-tanah Rezab Melayu yang diambil balik ini supaya tanah-tanah di jadikan Rezab Melayu ditempat-tempat yang lain. Tetapi saya lebih suka jika sekiranya kerana tanah ini, bumi ini bumi kita, keseluruhan negeri ini adalah tanah kita kemudian kita rezabkan kepada Bukan Melayu di tempat-tempat yang tertentu yang kita pilih bukan Melayunya boleh beli di sini sahaja tetapi bukanlah tanah rezab Melayu ini di jadikan sebagai satu alasan kepada Pegawai Pengambilan dan Kerajaan untuk menurunkan harga nilai tanah-tanah Melayu

22 Ogos 1994

yang hendak diambil, dibayar dengan harga murah tetapi tanah-tanah yang bukan Melayu walau pun Geran Mukim di bayar dengan lebih tinggi harganya paling kurang 20 hingga 30 peratus kerana ianya tanah bukan Melayu. Jadi ini kita menyiksakan diri kita sendiri, jadi saya haraplah Kerajaan akan mengkaji kedudukan ini, yang pertama sekali menggantikan tanah-tanah Rezab Melayu kalau Kerajaan tidak bersedia untuk menjadikan Rezab Bukan Melayu ditempat-tempat yang tertentu yang saya rasa lebih sempurna dan lebih baik kerana tidak perlu kita izinkan di merata-rata yang mengikut peruntukan yang ada pada hari ini selain daripada sekitaran Rezab Melayu ini, Bukan Melayu boleh pilih di mana-mana saja yang besar lagi daripada 10 ekar, yang kecil Melayu sahaja, rezab. Apa erti kita merdeka, apa erti negara kita, apa erti negeri kita dan yang paling menzaliminya ialah bila sampai pengambilan balik. Jabatan Penilai menurunkan harga kerana tanah Melayu. Melayu dapat RM10 ribu, bukan Melayu mendapat RM15 satu ekar, contohnya, adakah ini satu keadilan. Kita menyiksa orang Melayu, bilamana tanah ini di jadikan tanah pengambilan maka di beri milikan bebas kepada siapa saja dengan harga yang puluhan kali ganda disetengah-setengah tempat. Ini kita menzalimi diri kita sendiri Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua. Saya harap fenomena ini hendaklah di atasi dengan segera supaya kita tidak terus menerus membelenggukan diri anak bangsa kita sendiri. Wallahu aklam.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya minta pihak Kerajaan membuat ulasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Batu Burok. Saya tengok fasal dia yang celek sekalilah dalam perkara ini, terima kasih. Dan ini mengenai yang dia bercakap tadi sebenarnya kita tidak ada tanah Rezab Melayu di Terengganu, kita ada Malay Holding...

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua penjelasan, penjelasan -

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): ... Saya tidak mahu beri jalan lagi, saya mahu bercakap dulu, dia duduk dulu... (KETAWA)... Dia hendak bela, dia kata bahawa bila jadi Tanah Rezab Melayu pengambilan balik bayar rendah, kurang 20, 30 peratus ini satu pembohongan Dato' Yang di-Pertua. Kepada siapa-siapa begitu adilnya Kerajaan beri peluang, begitu demokrasinya, kepada siapa-siapa yang tidak puas hati dengan pengambilan, bayaran pampasan dia boleh pergi, ada tempatnya ke Mahkamah.

22 Ogos 1994

YANG BEHRORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, penjelasan, berilah laluan sekejap ...

YANG BEHRORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sila duduk Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk..

YANG BEHRORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): ... Minta dia duduk dulu Dato' Yang di-Pertua, saya tidak mahu beri jalan, biar dia nanti kemudian, kerana dia ceramah ini, saya bawa dia dalam ceramah dia tahun 85 Dato' Yang di-Pertua, di Dewan Perniagaan Cina dia menegaskan akan hapuskan keistimewaan-keistimewaan Melayu, termasuk Tanah Simpanan Melayu, ini telah di buat, tahun 85 dibuat kepada orang-orang Cina, ini cakap dia, dia hendak hapuskan, ini dia...

YANG BEHRORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya beri penjelasan...

YANG BEHRORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): ...Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, inilah, saya ada bukti, dia boleh cabar kerana dia berceramah banyak sangat sekarang..

YANG BEHRORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Boleh saya jawab, sekejap ja, saya beri penjelasan. Saya kata kita akan hapuskan Rezab Melayu kerana Negara kita ini Negeri Melayu dan kita buat tapak rezab bagi Bukan Melayu, "we change the name and change the.. " kita tukar nama dan kita tukar tempat. Kita rezab orang, pendatang - aku rezab kepada kamu di sini sahaja, di sini sahaja, keseluruhannya aku punya, Melayu punya, tidak perlu kita kata Melayu punya.

YANG BEHRORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): ...Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini saya bercakap di hadapan Commissioner dia, pemimpin-pemimpin dia, biar dia tahu, dia berucap di Dewan Perniagaan China menegaskan akan hapuskan keistimewaan Melayu, termasuk tanah simpanan melayu, ini telah di buat, saya ada bukti. Dan hari ini dia bercakap dia hendak cuba bela...

YANG BEHRORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tidak, saya tidak pertikaikan ...

YANG BEHRORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): .. Dia hendak cuba bela dia kata bahawa bila tanah Rezab Melayu diambil balik oleh Kerajaan nilainya rendah, ini adalah satu pembohongan, kerana saya tahu dia begitu arif dalam perkara ini, kerana setiap kali, dalam sebulan barangkali

22 Ogos 1994

20 hari, 30 hari dia becara hal ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya...

YANG BEHRORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya rasa Yang Berhormat Ladang pernah menjadi Pentadbir Tanah Daerah atau pun Penolong dan kita tidak boleh menafikan fakta. Pegawai Penilaian Negeri ada bersama-sama kita, boleh minta laporan dengan dia, Mahkamah ada, boleh minta Laporan Mahkamah. Rezab Melayu mesti mengikut kaedah penilaian antara 20 hingga 30 peratus rendah harga nilainya. Ini kaedah penilaian, jadi itulah pampasan yang diberi. Saya beri penjelasan - Malay Holding - (1), Malay Reservation - (1). Ada dua takrif, kena faham Undang-Undang ini, dia ada dua, (1) Malay Reservation, (1) Malay Holding. Dia ada dua peruntukan dalam Undang-Undang Malay Reservation Enactment.

YANG BEHRORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): ..Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itu yang dia cuba hendak mengabui orang sekarang, baru dia kata Malay Holding, Malay Reservation lain. Tadi dia duduk tekankan Malay Reserve, Malay Reserve, dan Terengganu tidak ada Malay Reservation - Malay Holding. Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penilaian tanah ini mengikut dia punya locality dia pun tahu, saya bukan ahli Penilai, saya bukan Peguam, locality kalau dalam bandar berapa dia punya harga Tanah Rezab Melayu, tidak Rezab Melayu "almost" sama, tengok atas penilaian. Kalau tidak puas hati pergi ke Mahkamah, pasal itulah ramai, alhamdulillah kita tengok hari ini, berpuluh-puluh, beratus kali ganda orang boleh pergi ke Mekah hari ini, mewahnya, Kerajaan ambil balik tanah sampai satu keluarga boleh pergi ke Mekah, ini dia, begitu adilnya Kerajaan ini.

Sekian saya kemukakan Dato' Yang di-Pertua.

Cadangan ini kemudian di hadapkan kepada Mesyuarat dan di persetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1994
DI BACA BAGI KALI YANG KEDUA.

22 Ogos 1994

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1994
TELAH DI TIMBANG DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH
DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasek): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1994
DI BACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 4 Tahun 1994.

22 Ogos 1994

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada satu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke satu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

PERSIDANGAN DEWAN TAMAT PADA PUKUL 12.40 TENGAH HARI.

